




UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

# PERATURAN AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH EDISI 2024



---

Cetakan Pertama, Februari 2016  
Cetakan Kedua, November 2016  
Cetakan Ketiga, September 2017  
Cetakan Keempat Disember 2018  
Cetakan Kelima, November 2019  
Cetakan Keenam, Februari 2020  
Cetakan Ketujuh, September 2021  
Cetakan Kelapan, Mac 2023  
Cetakan Kesembilan, April 2024

---

## KANDUNGAN

PERKARA 1 :	TAKRIFAN	4
PERKARA 2 :	KELAYAKAN MASUK	12
PERKARA 3 :	PERMOHONAN DAN PENAWARAN PROGRAM PENGAJIAN	16
PERKARA 4 :	PELANTIKAN PENYELIA	17
PERKARA 5 :	TAHUN AKADEMIK	20
PERKARA 6 :	YURAN PENGAJIAN, TEMPOH PENGAJIAN, TEMPOH MASTAUTIN DAN PENEMPATAN PROGRAM	21
PERKARA 7 :	PENDAFTARAN PELAJAR	22
PERKARA 8 :	PINDAH KREDIT DAN PENGECUALIAN KURSUS	24
PERKARA 9 :	PERTUKARAN MOD PEMBELAJARAN, MOD PENGAJIAN, KADEAH PENGAJIAN, BIDANG PENYELIDIKAN DAN PENYELIA	26
PERKARA 10 :	NAIK TARAF PROGRAM PENGAJIAN	27
PERKARA 11 :	SKIM KREDIT	28
PERKARA 12 :	PENILAIAN	29
PERKARA 13 :	PENULISAN TESIS	34
PERKARA 14 :	KURSUS UMUM PENYELIDIKAN	35
PERKARA 15 :	PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA	36
PERKARA 16 :	SISTEM GRED	37
PERKARA 17 :	KEDUDUKAN AKADEMIK	39
PERKARA 18 :	PENGANUGERAHAN	39
PERKARA 19 :	PENANGGUHAN PENGAJIAN	40
PERKARA 20 :	PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN	41
PERKARA 21 :	RAYUAN	41
PERKARA 22 :	PERUNTUKAN AM	41
	LAMPIRAN	43

## PERKARA 1: TAKRIF

Dalam peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain bagi peraturan akademik, iaitu:

- “**Anumerta**” bermaksud penganugerahan Ijazah kepada pelajar yang meninggal dunia semasa dalam pengajian dan layak dianugerahkan ijazah bagi program yang didaftarkan tertakluk kepada kelulusan Senat.
- “**Baru Mendaftar (BM)**” bermaksud status pelajar baharu yang mendaftar selepas minggu ke-13 semester bagi Program Mod Penyelidikan.
- “**Beban Kredit**” bermaksud jumlah bilangan kredit kursus yang diambil oleh pelajar dalam sesuatu semester.
- “**Calon Pelajar**” bermaksud seseorang yang ditawarkan untuk mengikuti mana-mana program pengajian siswazah tetapi belum membuat pendaftaran program.
- “**Dekan**” bermaksud ketua fakulti yang dilantik oleh Naib Canselor.
- “**Diberhentikan**” bermaksud pelajar yang tidak mendaftar sebarang kursus dalam sesuatu semester atau pelajar yang dipecat dari universiti di bawah Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) (Tatatertib Pelajar-pelajar 2009) serta segala peraturan yang berkuatkuasa di universiti dari semasa ke semasa.
- “**Disertasi**” bermaksud karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan penganugerahan ijazah bagi pengajian siswazah Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran.
- “**Fakulti**” bermaksud entiti akademik utama dan merupakan Pihak Berkusa Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 24 Perlembagaan yang menjalankan pengajaran bagi program sijil, diploma, ijazah atau apa-apa kelayakan akademik lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Senat untuk melahirkan graduan dalam apa-apa program pengajian serta menjalankan penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan untuk kecemerlangan keilmuan dan profesionalisme.
- “**Ijazah**” bermaksud anugerah yang diberi oleh Senat kepada pelajar yang memenuhi syarat pengajian peringkat sarjana atau kedoktoran atau yang setaraf dengannya.
- “**Ijazah Kedoktoran**” bermaksud ijazah yang dianugerahkan kepada pelajar yang berjaya dalam program Doktor Falsafah atau setaraf.
- “**Ijazah Sarjana**” bermaksud ijazah yang dianugerahkan kepada pelajar yang berjaya dalam program Sarjana atau setaraf.

- “**Ijazah Bersama (Joint Degree)**” bermaksud program kerjasama yang mana kurikulum dibangunkan bersama dengan rakan kerjasama (dua rakan kerjasama atau lebih). Pelajar yang mengikuti program ini akan mengikuti pengajian di institusi yang terlibat (dua institusi atau lebih). Di akhir pengajian, pelajar yang tamat akan dianugerahkan dengan satu sijil kelayakan yang akan tertera logo dan ditandatangani oleh semua institusi yang terlibat dalam kerjasama tersebut.
- “**Ijazah Dual (Dual Degree)**” bermaksud Sarjana dan Kedoktoran melibatkan dua (2) program siswazah daripada dua bidang yang sama atau hampir sama antara UMPSA dengan institusi pengajian tinggi lain. Penyelidikan pelajar yang diambil oleh institusi yang bekerjasama perlu mematuhi perjanjian yang disepakati bersama. Apabila tamat pengajian pelajar akan menerima dua (2) ijazah yang berasingan daripada UMPSA dan institusi yang bekerjasama. Program ini boleh ditawarkan bersama UMPSA dengan institusi pengajian lain dalam atau luar negara.
- “**Ijazah Dwi (Double Degree)**” bermaksud program kerjasama yang ditawarkan oleh dua institusi bagi dua (2) program atau bidang yang berasingan. Pelajar yang mengikuti program ini akan mengikuti pengajian di institusi yang terlibat. Di akhir pengajian pelajar yang tamat akan dianugerahkan dua (2) ijazah skrol kelayakan secara berasingan oleh IPT yang terlibat dalam program kerjasama ini.
- “**Institut Pengajian Siswazah (IPS)**” bermaksud sebuah pusat yang mengurus dan menyelaras program pengajian siswazah universiti.
- “**Jam Pembelajaran Pelajar (SLT)**” bermaksud jam pembelajaran efektif bagi mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan melalui semua aktiviti pembelajaran termasuk kuliah, pembelajaran kendiri dan proses pentaksiran.
- “**Kedudukan Baik (KB)**” bermaksud kedudukan pencapaian akademik pengajian siswazah yang dicapai oleh pelajar apabila mendapat keputusan  $\text{PNGK} \geq 3.00$  bagi Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran.
- “**Kedudukan Bersyarat (KS)**” bermaksud kedudukan pencapaian akademik pengajian siswazah yang dicapai oleh pelajar apabila mendapat keputusan  $\text{PNGK} < 3.00$  bagi Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran.
- “**Kolokium/Seminar/Persidangan**” bermaksud satu sesi penilaian lisan yang mana pelajar dikehendaki membentang dan mempertahankan hasil kajian pelajar kepada Panel Kolokium/Seminar/Persidangan. Ia bertujuan bagi mendapat pandangan kedua daripada panel dan peserta. Pelajar tidak perlu menghantar pembetulan input dari sesi pembentangan yang dijalankan. Namun input daripada panel penilai boleh diambil kira untuk penambahbaikan penyelidikan pelajar selepas perbincangan bersama penyelia.

- “**Kuliah**” bermaksud pertemuan akademik bersemuka antara pensyarah dengan pelajar seperti yang ditetapkan dalam rancangan pengajaran.
- “**Kursus**” bermaksud komponen kurikulum program yang mempunyai kod tersendiri dan menyumbang kepada pencapaian hasil pembelajaran pelajar yang diluluskan oleh Senat.
- “**Kursus Prasyarat**” bermaksud kursus yang mesti diambil bagi memenuhi keperluan berikut:
  - Syarat Kemasukan: Kursus prasyarat tersebut mesti diambil dan lulus sebelum pelajar dibenarkan mendaftar kursus teras atau memulakan penyelidikan. Kandungan kursus prasyarat perlu sekurang-kurangnya berada pada Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) serta bersesuaian dengan bidang program atau berdasarkan kepada ketetapan prasyarat yang dinyatakan dalam Standard Program berkaitan (sekiranya ada); atau
  - Syarat Penganugerahan Sesuatu Ijazah: Kursus tersebut mestilah diikuti dan lulus sebelum pelajar boleh dianugerahkan ijazah; atau
  - Prasyarat bagi Kursus/Penilaian Lain: Kursus/Penilaian yang perlu diambil atau lulus sebelum mengambil kursus berikutnya.
- “**Kursus Kompetensi**” bermaksud kursus umum elektif yang ditawarkan oleh IPS dan diluluskan oleh Senat.
- “**Kursus Metodologi Penyelidikan**” bermaksud kursus umum wajib yang ditawarkan oleh IPS dan diluluskan oleh Senat.
- “**Kursus Terbuka dalam Talian Secara Besar-besaran**” *Massive Open Online Course (MOOC)* bermaksud kursus dalam talian bagi tujuan penyertaan interaktif secara besar-besaran dan boleh diakses secara terbuka melalui laman sesawang.
- “**Mastautin**” bermaksud satu tempoh minimum pelajar mengikuti pengajian di kampus universiti.
- “**Mata Nilai**” bermaksud ketetapan nilai bagi setiap gred.
- “**Memuaskan (MM)**” bermaksud gred keputusan “Memuaskan” bagi penilaian Program mod penyelidikan.
- “**Mod Pengajian**” bermaksud tiga (3) jenis pengajian yang ditawarkan di peringkat pengajian siswazah iaitu (i) Mod Kerja Kursus; (ii) Mod Campuran; (iii) Mod Penyelidikan.
- “**Mod Kerja Kursus**” bermaksud kaedah pelaksanaan sesuatu program pengajian siswazah yang memerlukan pelajar mengikuti kuliah dan/atau menjalani latihan akademik yang berbentuk tugas, projek dan seumpamanya.

- “**Mod Campuran**” bermaksud pengajian siswazah yang dilaksanakan secara gabungan kerja kursus dan penyelidikan. Penyelidikan lazimnya dilaksanakan setelah pelajar berjaya menyelesaikan semua komponen kerja kursus yang ditetapkan dalam kurikulum program pengajian.
- “**Mod Penyelidikan**” bermaksud pengajian siswazah yang dilaksanakan sepenuhnya secara penyelidikan.
- “**Modul**” bermaksud unit atau komponen kursus yang berasingan yang dilaksanakan secara berterusan hingga selesai.
- “**Nilai Gred**” bermaksud pencapaian gred pelajar bagi sesuatu kursus berdasarkan mata nilai.
- “**Purata Nilai Gred (PNG)**” bermaksud purata mata nilai gred yang diperolehi bagi sesuatu semester.
- “**Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)**” bermaksud purata himpunan mata nilai gred yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti.
- “**Pakar Akademik**” bermaksud staf akademik yang mempunyai:
  - Ijazah Kedoktoran; DAN
  - pengalaman bekerja lima (5) tahun; DAN
  - telah menggraduatkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Ijazah Kedoktoran.
- “**Panel Peperiksaan Lisan**” bermaksud satu jawatankuasa yang dilantik oleh Universiti untuk melaksanakan peperiksaan lisan program pengajian peringkat sarjana secara penyelidikan atau kedoktoran yang terdiri daripada pemeriksa dalam, pemeriksa luar, wakil fakulti (jika diperlukan), sekretariat dan pengerusi sesi tersebut.
- “**Pelajar**” ertiannya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti atau Kolej Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihal pada peringkat praiijazah, lepasan ijazah atau selepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti atau Kolej Universiti itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.
- “**Pelajar Kanan**” bermaksud pelajar yang telah mengikuti sekurang-kurangnya satu semester pengajian di universiti.
- “**Pembentangan Kertas Kerja Cadangan Penyelidikan**” bermaksud satu sesi penilaian lisan yang mana pelajar dikehendaki membentang dan mempertahankan kertas kerja cadangan penyelidikan kepada Panel Kertas Kerja Cadangan Penyelidikan. Ia bertujuan bagi melihat persediaan pelajar dalam perancangan penyelidikan pelajar. Pelajar tidak

perlu menghantar pembetulan kertas kerja cadangan penyelidikan selepas sesi pembentangan kertas kerja cadangan penyelidikan dijalankan. Namun input daripada panel penilai boleh diambil kira untuk penambahbaikan kertas kerja cadangan penyelidikan oleh pelajar selepas perbincangan bersama penyelia.

- **“Pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan”** bermaksud satu sesi penilaian lisan yang mana pelajar dikehendaki membentangkan dan mempertahankan kertas kerja cadangan pencalonan kepada Panel Kertas Kerja Cadangan Pencalonan. Ia bertujuan bagi melihat keupayaan pelajar dalam perancangan penyelidikan yang bersesuaian dengan tahap pengajian Doktor Falsafah. Pelajar tidak perlu menghantar pembetulan kertas kerja cadangan pencalonan selepas sesi pembentangan kertas kerja cadangan pencalonan ini dijalankan. Pelajar yang terlibat adalah pelajar yang ingin menaik taraf program dari program Sarjana ke Doktor Falsafah dan pelajar program pengajian secara laluan pantas.
- **“Pemeriksa Dalam”** bermaksud Staf Akademik yang dilantik oleh fakulti atau Universiti untuk memeriksa disertasi/tesis program pengajian peringkat sarjana atau kedoktoran dan juga ahli Panel Peperiksaan Lisan.
- **“Pemeriksa Luar”** bermaksud seseorang pakar dari luar Universiti yang dilantik oleh Universiti untuk memeriksa disertasi/tesis pelajar program pengajian peringkat sarjana atau kedoktoran dan juga ahli Panel Peperiksaan Lisan.
- **“Penganugerahan”** bermaksud pengesahan Senat ke atas pelajar yang telah memenuhi syarat penganugerahan.
- **“Pengarang Pertama”** bermaksud penyelidik yang memberikan sumbangan ilmiah yang paling signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan termasuk dalam konsep dan reka bentuk penyelidikan, analisis dan tafsiran data penyelidikan serta penulisan, penyempurnaan dan penyuntingan akhir makalah jurnal.
- **“Pengarang Koresponden”** bermaksud pengarang utama yang bertanggungjawab untuk berkomunikasi dengan editor jurnal semasa penyerahan naskah, dan juga memastikan bahawa semua keperluan penerbitan jurnal dipenuhi. Maklumat komunikasi bagi sesuatu artikel jurnal adalah berdasarkan maklumat pengarang koresponden.
- **“Pengecualian Kursus”** bermaksud jumlah kredit yang dikecualikan kepada pelajar dan perlu diganti dengan kursus lain atau ketetapan lain yang diluluskan oleh Senat bagi mencukupkan keperluan kredit bergraduat.
- **“Penilaian”** bermaksud sebarang bentuk pengukuran pencapaian pelajar bagi kursus yang diambil.

- “**Penilaian Rapi (Rigorous Assessment)**” bermaksud satu penilaian dalaman yang dijalankan di peringkat fakulti sebelum pengeluaran surat tawaran pelajar untuk calon Sarjana dan Doktor Falsafah yang tidak memenuhi syarat PNGK atau calon pelajar yang mengambil kaedah-kaedah selain Kaedah Konvensional. Ia bertujuan untuk menilai pengetahuan dan kemahiran pelajar daripada pengalaman kerja atau pembuktian lain yang bersesuaian.
- “**Penyelia**” bermaksud Staf Akademik yang dilantik oleh fakulti atau Universiti untuk menyelia projek sarjana/disertasi/tesis pelajar.
- “**Penyelia Bersama**” bermaksud individu yang dilantik oleh fakulti atau Universiti bersama-sama dengan Penyelia Utama untuk menyelia pelajar pengajian secara penyelidikan. Penyelia Bersama boleh dilantik di kalangan pakar dari dalam atau luar Universiti.
- “**Penyelia Bersama Dalam**” bermaksud Staf Akademik yang dilantik oleh fakulti atau Universiti bersama-sama dengan Penyelia Utama untuk menyelia pelajar pengajian secara penyelidikan. Penyelia Bersama boleh dilantik di kalangan pakar dari dalam Universiti.
- “**Penyelia Bersama Luar**” bermaksud Staf Akademik atau seseorang pakar dari luar Universiti yang dilantik oleh Universiti bersama-sama dengan Penyelia Utama untuk menyelia pelajar pengajian secara penyelidikan.
- “**Penyelia Lapangan**” bermaksud individu yang dilantik oleh fakulti atau Universiti bersama-sama dengan Penyelia Utama untuk menyelia pelajar pengajian secara penyelidikan. Penyelia Lapangan boleh dilantik di kalangan pakar dari Industri, Agensi atau Komuniti. Penyelia ini bertanggungjawab menyediakan khidmat penyeliaan dan sokongan serta memastikan adanya kemudahan atau peralatan yang sesuai yang boleh membantu perkembangan penyelidikan pelajar selari dengan kehendak dan perancangan syarikat atau organisasi.
- “**Penyelia Utama**” bermaksud Staf Akademik yang dilantik oleh fakulti atau Universiti untuk mengetuai penyeliaan pelajar pengajian secara penyelidikan.
- “**Perkuliahahan**” bermaksud semua aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang diperlukan bagi ketetapan hasil pembelajaran dalam pelan pengajaran.
- “**Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)**” bermaksud institusi pendidikan tinggi awam atau swasta yang diiktiraf oleh Senat.
- “**Peperiksaan**” bermaksud sebarang bentuk penilaian untuk mengukur pencapaian akademik pelajar.

- “**Peperiksaan Khas**” bermaksud peperiksaan yang layak diberikan kepada pelajar yang tidak hadir peperiksaan akhir atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti.
- “**Peperiksaan Lisan**” bermaksud satu sesi penilaian yang mana pelajar dikehendaki membentang dan mempertahankan disertasi/tesis kepada Panel Peperiksaan Lisan.
- “**Pindah Kredit**” bermaksud proses memindahkan kredit kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam sesuatu program ke program lain yang membawa kepada penganugerahan kelayakan yang ditawarkan oleh institusi yang sama atau institusi yang berbeza.
- “**Pindah Kredit Dengan Gred**” bermaksud pemindahan kredit secara horizontal bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar yang masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan purata nilai gred (PNG) dan purata nilai kumulatif (PNGK).
- “**Pindah Kredit Secara Melintang (*Horizontal*)**” bermaksud pemindahan kredit daripada satu program ke program pada tahap yang sama dan tidak perlu diganti dengan kursus lain.
- “**Pindah Kredit Secara Menegak (*Vertical*)**” bermaksud pemindahan kredit daripada satu program ke program pada tahap yang lebih tinggi dan tidak perlu diganti dengan kursus lain.
- “**Pra-Peperiksaan Lisan**” bermaksud satu sesi penilaian mock peperiksaan lisan yang mana pelajar dikehendaki membentang dan mempertahankan tesis kepada Panel Pra-Peperiksaan Lisan. Ia bertujuan bagi melihat persediaan pelajar dalam membentangkan tesis yang telah ditulis. Pelajar tidak perlu menghantar pembetulan tesis selepas sesi pra-peperiksaan lisan dijalankan. Namun input daripada panel penilai boleh diambil kira untuk penambahbaikan tesis oleh pelajar selepas perbincangan bersama penyelia.
- “**Program**” bermaksud bidang pengajian yang diluluskan oleh Senat sebagai program akademik secara sepenuh masa atau separuh masa untuk tujuan penganugerahan.
- “**Program Mobiliti**” bermaksud program yang pelajar UMPSA boleh mengikuti pengajian di institusi lain (*Outbound mobility*) dan/atau pelajar institusi lain boleh mengikuti pengajian di UMPSA (*Inbound mobility*). Pelajar boleh diberikan perpindahan kredit selepas mengikuti program selama satu semester.
- “**Semester Lazim**” bermaksud Semester I dan Semester II termasuk semester pendek mengikut tempoh yang ditetapkan Senat bagi sesuatu sesi akademik.
- “**Semester Pendek**” bermaksud Semester III atau semester pengajian yang dilaksanakan semasa cuti akhir sesi akademik.

- “**Senat**” bermaksud Senat Universiti yang mana ia adalah badan akademik bagi Universiti dan tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan bertanggungjawab ke atas arahan am mengenai pengajaran, penyelidikan, peperiksaan, pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain. Senat boleh mewakilkan mana-mana kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya kepada mana-mana ahlinya atau suatu jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahlinya atau mana-mana Pihak Berkuasa lain.
- “**Staf Akademik**” bermaksud tenaga pengajar yang dilantik mengikut skim perkhidmatan seperti yang digunakan oleh Universiti.
- “**Tempoh Pengajian**” bermaksud bilangan semester atau tahun pelajar berdaftar.
- “**Terputus Pengajian**” bermaksud status pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian atau digantung pengajian oleh universiti.
- “**Tesis**” bermaksud suatu karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Program Mod Penyelidikan.
- “**Tidak Memuaskan (TM)**” bermaksud gred keputusan “Tidak Memuaskan” bagi penilaian Program mod penyelidikan.
- “**Tidak Selesai (TS)**” bermaksud gred keputusan “Tidak Selesai” bagi penilaian Kursus Metodologi Penyelidikan/Kursus Kompetensi/Disertasi.
- “**Universiti**” bermaksud Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

## PERKARA 2: KELAYAKAN MASUK

### 2.1. Syarat Kelayakan Masuk bagi Calon Pelajar dengan Kelayakan Dalam Bidang

#### 2.1.1. Sarjana Mod Kerja Kursus

- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.50$  boleh diterima masuk.
- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan penilaian dalaman yang rapi.

#### 2.1.2. Sarjana Mod Campuran

- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.75$  boleh diterima masuk.
- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.50 \leq \text{PNGK} < 2.75$ , boleh diterima masuk dengan penilaian dalaman yang rapi.
- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan pengalaman kerja selama lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan dan penilaian dalaman yang rapi.

#### 2.1.3. Sarjana Mod Penyelidikan

Syarat kelayakan masuk bagi program Sarjana Mod Penyelidikan adalah sama seperti program Sarjana Mod Campuran.

**JADUAL 1: SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM SARJANA MOD KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN / PENYELIDIKAN (DALAM BIDANG)**

SYARAT KELAYAKAN MASUK	PROGRAM SARJANA	
	MOD KERJA KURSUS	MOD CAMPURAN / PENYELIDIKAN
IJAZAH SARJANA MUDA	a. $\text{PNGK} \geq 2.50$ ; ATAU b. $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ DAN penilaian dalaman yang rapi.	a. $\text{PNGK} \geq 2.75$ ; ATAU b. $2.50 \leq \text{PNGK} < 2.75$ DAN penilaian dalaman yang rapi; ATAU c. $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , pengalaman kerja selama 5 tahun dalam bidang dan penilaian dalaman yang rapi.
APEL.A	Sijil APEL.A dibenarkan.	

#### **2.1.4. Doktor Falsafah**

- a. Syarat kelayakan masuk bagi program Doktor Falsafah, calon pelajar mesti memiliki:
  - i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan dengan kelas pertama (PNGK  $\geq 3.67$ ) atau setaraf dengannya dari program Akademik atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) DAN penilaian dalaman yang rapi; ATAU
  - ii. Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) atau setara dalam bidang berkaitan.

**JADUAL 2: SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM DOKTOR FALSAFAH (DALAM BIDANG)**

SYARAT KELAYAKAN MASUK	PROGRAM DOKTOR FALSAFAH
IJAZAH SARJANA MUDA	Kelas pertama (PNGK $\geq 3.67$ ) atau setaraf.
IJAZAH SARJANA	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mod Penyelidikan; ATAU</li> <li>b. Mod Kerja Kursus; ATAU</li> <li>c. Mod Campuran</li> </ul>
APEL.A	Sijil APEL.A dibenarkan.

#### **2.2. Syarat Kelayakan Masuk bagi Calon Pelajar Tanpa Kelayakan Dalam Bidang**

##### **2.2.1. Kursus Prasyarat**

- a. Calon Pelajar tanpa kelayakan dalam bidang perlu mengambil kursus prasyarat sebelum memulakan pengajian atau mengambil kursus yang berkaitan seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.
- b. Pelajar wajib lulus kursus prasyarat yang telah ditetapkan.

##### **2.2.2. Sarjana Mod Kerja Kursus**

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.50$ , boleh diterima masuk dengan mengambil kursus prasyarat yang ditetapkan oleh Fakulti.
- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$  boleh diterima masuk dengan penilaian dalaman yang rapi dan perlu mengambil kursus prasyarat.

##### **2.2.3. Sarjana Mod Campuran**

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.75$ , boleh diterima masuk dengan mengambil kursus prasyarat yang ditetapkan oleh Fakulti.
- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $2.50 \leq \text{PNGK} < 2.75$ , boleh diterima masuk dengan penilaian dalaman yang rapi dan mengambil kursus prasyarat.
- c. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan pengalaman

kerja selama lima (5) tahun dalam bidang, penilaian dalaman yang rapi dan perlu mengambil kursus prasyarat.

#### **2.2.4. Sarjana Mod Penyelidikan**

Syarat kelayakan masuk bagi program Sarjana Mod Penyelidikan adalah sama seperti program Sarjana Mod Campuran.

**JADUAL 3: SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM SARJANA MOD KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN / PENYELIDIKAN (TANPA KELAYAKAN DALAM BIDANG)**

SYARAT KELAYAKAN MASUK	PROGRAM SARJANA MOD KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN / PENYELIDIKAN	
	MOD KERJA KURSUS	MOD CAMPURAN / PENYELIDIKAN
IJAZAH SARJANA MUDA	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. <math>\text{PNGK} \geq 2.50</math> DAN mengambil kursus prasyarat; ATAU</li> <li>b. <math>2.00 \leq \text{PNGK} &lt; 2.50</math> DAN penilaian dalaman yang rapi DAN mengambil kursus prasyarat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. <math>\text{PNGK} \geq 2.75</math> DAN mengambil kursus prasyarat; ATAU</li> <li>b. <math>2.50 \leq \text{PNGK} &lt; 2.75</math> DAN penilaian dalaman yang rapi DAN mengambil kursus prasyarat; ATAU</li> <li>c. <math>2.00 \leq \text{PNGK} &lt; 2.50</math> DAN pengalaman kerja selama 5 tahun dalam bidang DAN penilaian dalaman yang rapi DAN mengambil kursus prasyarat.</li> </ul>
APEL.A	Sijil APEL.A dibenarkan dan calon perlu mengambil kursus prasyarat.	

#### **2.2.5. Doktor Falsafah**

Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) atau setara bukan dalam bidang berkaitan boleh diterima masuk dengan mengambil kursus prasyarat yang ditetapkan oleh Fakulti.

**JADUAL 4: SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM DOKTOR FALSAFAH (TANPA KELAYAKAN DALAM BIDANG)**

SYARAT KELAYAKAN MASUK	PROGRAM DOKTOR FALSAFAH
IJAZAH SARJANA	Mod Penyelidikan, Mod Kerja Kursus ATAU Mod Campuran DAN perlu mengambil kursus prasyarat.
APEL.A	Sijil APEL.A dibenarkan dan calon perlu mengambil kursus prasyarat.

#### **2.3. Lain-lain Syarat Kelayakan Masuk**

a. Bagi bidang-bidang yang mempunyai Standard Program, syarat kelayakan masuk perlu mengikut keperluan yang telah ditetapkan. Sebarang perubahan kepada syarat kelayakan, Fakulti/Pusat yang berkaitan perlu mendapatkan kelulusan Senat dan

dimasukkan ke dalam lampiran Buku Peraturan sebagai Syarat Khas Mengikut Bidang.

- b. Sebarang pengemaskinian syarat kemasukan terkini oleh badan akreditasi dan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) akan digunakan bermula dari tarikh kuat kuasa sesuatu perubahan syarat tersebut.
- c. Lain-lain syarat kemasukan melalui petaulahan pembelajaran berdasarkan pengalaman sebelumnya (*Accreditation of Prior Experiential Learning - APEL*) untuk sesuatu program perlu mendapat kelulusan Senat dan tertakluk pada bidang yang disenaraikan oleh *Malaysian Qualifications Agency* (MQA).

#### **2.4. Penilaian Rapi (*Rigorous Assesment*)**

- a. Penilaian rapi adalah satu penilaian dalaman yang dijalankan di peringkat fakulti sebelum pengeluaran surat tawaran pelajar untuk calon Sarjana dan Doktor Falsafah yang tidak memenuhi syarat PNGK atau calon pelajar yang mengambil kaedah-kaedah selain Kaedah Konvensional.
- b. Penilaian rapi bertujuan untuk menilai pengetahuan dan kemahiran pelajar daripada pengalaman kerja atau pembuktian lain yang bersesuaian. Keputusan penilaian ini perlu kelulusan diperingkat fakulti.

#### **2.5. Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris**

##### **2.5.1. Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris Pelajar Antarabangsa**

- a. Semua calon pelajar antarabangsa mesti mempunyai IELTS Band 5.0 atau setara (*Lampiran 1*) kecuali:
  - i. Bidang Bahasa (IELTS 6.0 atau setara)
  - ii. Bidang Pengajian Perniagaan (IELTS 6.0 atau setara)
  - iii. Bidang Komputeran (IELTS 6.0 atau setara atau syarat-syarat lain di *Lampiran 2C*)
  - iv. Bidang Bioteknologi (IELTS 5.5 atau setara)
- b. Calon pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat Bahasa Inggeris boleh diberikan kelulusan bersyarat. Pemohon diberi tempoh dua (2) tahun dari tarikh pendaftaran untuk memenuhi syarat Bahasa Inggeris ini. Sekiranya pelajar **GAGAL** memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris ini dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar akan diberhentikan dari program pengajian.
- c. Bagi calon pelajar yang ingin menulis Tesis dalam Bahasa Arab, calon mesti mempunyai IELTS Band 3.0 atau setara DAN hanya calon berikut yang akan dipertimbangkan:
  - i. Calon pelajar antarabangsa yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi atau program yang menggunakan bahasa Arab sebagai Bahasa pengantar sepenuhnya dan memohon pengajian ke peringkat lebih tinggi di UMPSA. Calon pelajar mesti mengemukakan bukti sokongan yang telah disahkan oleh universiti terdahulu; ATAU
  - ii. Calon pelajar antarabangsa yang berasal dari negara yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi.

- d. Tempoh sah laku sijil IELTS atau setara yang diperoleh tidak boleh lebih dari 2 tahun dari tarikh ujian diambil dan pendaftaran calon.
  - e. Sijil TOEFL ITP dan PBT tidak diterima masuk dalam program ini.
- 2.5.2. Pengecualian Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris
- a. Pengecualian syarat Bahasa Inggeris boleh diberikan kepada calon-calon pelajar berikut:
    - i. Calon pelajar antarabangsa yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai Bahasa pengantar sepenuhnya dan memohon pengajian ke peringkat lebih tinggi di UMPSA. Calon pelajar mesti mengemukakan bukti sokongan yang telah disahkan oleh universiti terdahulu; ATAU
    - ii. Calon pelajar antarabangsa yang berasal dari negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi. Senarai negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar adalah seperti di Lampiran 3; ATAU
    - iii. Calon pelajar antarabangsa yang bergraduat daripada universiti tempatan; ATAU
    - iv. Calon pelajar antarabangsa dari negara Indonesia, Brunei, Singapura dan Selatan Thailand yang mengikuti program pengajian yang menggunakan Bahasa yang serumpun dengan Bahasa Melayu ATAU;
    - v. Calon pelajar antarabangsa yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di Malaysia.

### **PERKARA 3: PERMOHONAN DAN PENAWARAN PROGRAM PENGAJIAN**

#### **3.1. Permohonan Pengajian**

- 3.1.1. Calon hendaklah membuat permohonan program secara atas talian;
- 3.1.2. Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

#### **3.2. Penawaran Program Pengajian**

Penawaran dan pelaksanaan sesuatu program pengajian adalah tertakluk kepada pengesahan penawaran program oleh Fakulti.

#### **3.3. Permohonan Semula Pengajian (Surat Tawaran Tamat Tempoh)**

- a. Surat tawaran hanya sah sehingga tempoh satu (1) tahun bagi pendaftaran pengajian.
- b. Calon hendaklah membuat permohonan program secara atas talian semula sekiranya surat tawaran melebihi tempoh tersebut.

#### **3.4. Penarikan Balik Tawaran**

Pihak universiti berhak menarik balik tawaran kemasukan sekiranya pemohon mengemukakan maklumat palsu semasa membuat permohonan.

## PERKARA 4: PELANTIKAN PENYELIA

### 4.1. Maklumat Umum Pelantikan Penyelia

- a. Calon pelajar program Sarjana dan Doktor Falsafah Mod Penyelidikan perlu mencadangkan nama penyelia semasa membuat permohonan program secara dalam talian, namun lantikan Penyelia ini bergantung kepada kelulusan Mesyuarat Fakulti (MF).
- b. Penyelia yang dilantik mestilah tidak mempunyai konflik kepentingan dengan calon pelajar dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Senat.
- c. Konflik kepentingan, peranan dan tanggungjawab Penyelia boleh dirujuk dalam Buku Panduan Akademik Pengajian Siswazah.

### 4.2. Penyelia Utama

#### 4.2.1. Pelantikan Penyelia Utama bagi program Sarjana perlu memenuhi kriteria berikut [1]:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran; ATAU
- b. mempunyai Ijazah Sarjana; DAN
  - i. mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
  - ii. sekurang-kurangnya pernah dilantik sebagai Penyelia Bersama kepada pelajar Sarjana

#### 4.2.2. Pelantikan Penyelia Utama bagi program Doktor Falsafah mestilah memenuhi kriteria berikut [1]:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran; DAN
  - i. mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
  - ii. pernah menyelia pelajar Sarjana atau Doktor Falsafah Mod Penyelidikan sehingga bergraduat
- b. mempunyai Ijazah Sarjana; DAN
  - i. mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
  - ii. pernah menyelia pelajar Sarjana atau Doktor Falsafah Mod Penyelidikan sehingga bergraduat; DAN
  - iii. mendapat kelulusan dari Senat

#### 4.2.3. Bagi pelantikan Penyelia Utama bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah, kriteria-kriteria lain boleh diluluskan oleh Senat.

#### 4.2.4. Ringkasan syarat kelayakan Penyelia Utama bagi Program Sarjana Mod Penyelidikan dan Program Doktor Falsafah boleh dirujuk dalam Jadual 5.

**JADUAL 5: SYARAT KELAYAKAN LANTIKAN PENYELIA UTAMA PROGRAM MOD PENYELIDIKAN**

PROGRAM PELAJAR	SYARAT KELAYAKAN PENYELIA UTAMA*	
	IJAZAH SARJANA	IJAZAH KEDOKTORAN
SARJANA	Layak menyelia jika: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 tahun pengalaman kerja DAN</li> <li>• Pernah menjadi Penyelia Bersama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak menyelia</li> </ul>
DOKTOR FALSAFAH	Layak menyelia jika: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 tahun pengalaman kerja DAN</li> <li>• Pernah menggraduatkan pelajar*</li> <li>• Mendapat kelulusan dari Senat</li> </ul>	Layak menyelia jika: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 tahun pengalaman kerja DAN</li> <li>• Pernah menggraduatkan pelajar*.</li> </ul>

\*Syarat menggraduatkan pelajar ditangguhkan oleh MQA sehingga 1 Januari 2024 (Penyeliaan Doktor Falsafah).

[1] Bermula kemasukan pelajar Semester I Sesi Akademik 2021/2022

#### **4.3. Penyelia Bersama**

- 4.3.1. Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Sarjana perlu memenuhi kriteria berikut (Jadual 6)<sup>[1]</sup>:
  - a. mempunyai Ijazah Kedoktoran; ATAU
  - b. mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang yang berkaitan DAN mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan.
- 4.3.2. Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Doktor Falsafah perlu memenuhi kriteria berikut (Jadual 6)<sup>[1]</sup>:
  - a. mempunyai Ijazah Kedoktoran; ATAU
  - b. mempunyai Ijazah Sarjana DAN mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman dalam penyelidikan DAN mendapat kelulusan dari Senat.
- 4.3.3. Bagi pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah, kriteria-kriteria lain boleh diluluskan oleh Senat.

**JADUAL 6: SYARAT KELAYAKAN LANTIKAN PENYELIA BERSAMA DALAM/LUAR PROGRAM MOD PENYELIDIKAN**

PROGRAM PELAJAR	SYARAT KELAYAKAN PENYELIA BERSAMA DALAM / LUAR	
	IJAZAH SARJANA	IJAZAH KEDOKTORAN
SARJANA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak menyelia</li> <li>• 1 tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan</li> </ul>	Layak menyelia

<b>DOKTOR FALSAFAH</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak menyelia</li> <li>• 1 tahun pengalaman dalam penyelidikan</li> <li>• Mendapat kelulusan Senat</li> </ul>	Layak menyelia
----------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------

[1] Bermula kemasukan pelajar Semester I Sesi Akademik 2021/2022

#### **4.4. Penyelia Lapangan**

- 4.4.1. Pelantikan Penyelia Lapangan bagi program Sarjana sekurang-kurangnya perlu memenuhi kriteria berikut (Jadual 7) [1]:
- mempunyai Ijazah Sarjana Muda DAN mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan pada tahap yang sesuai untuk disertasi.
- 4.4.2. Pelantikan Penyelia Lapangan bagi program Doktor Falsafah sekurang-kurangnya perlu memenuhi kriteria berikut (Jadual 7) [1]:
- mempunyai Ijazah Sarjana DAN mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan pada tahap yang sesuai untuk tesis.
- 4.4.3. Bagi pelantikan Penyelia Lapangan bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah, kriteria-kriteria lain boleh diluluskan oleh Senat.

#### **JADUAL 7: SYARAT KELAYAKAN LANTIKAN PENYELIA PENYELIA LAPANGAN PROGRAM MOD PENYELIDIKAN**

PROGRAM PELAJAR	SYARAT MINIMUM KELAYAKAN LANTIKAN PENYELIA LAPANGAN
<b>SARJANA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) DAN sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman yang berkaitan pada tahap yang sesuai untuk disertasi (terpakai untuk Penyelia dari industri / pengamal sahaja)</li> </ul>
<b>DOKTOR FALSAFAH</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) DAN sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun pengalaman dalam bidang berkaitan pada tahap yang sesuai untuk tesis (terpakai untuk penyelia dari industri / pengamal sahaja)</li> </ul>

[1] Bermula kemasukan pelajar Semester I Sesi Akademik 2021/2022

- 4.5 Penyelia baharu yang dilantik perlu menghadiri Kursus Latihan Penyeliaan anjuran Jabatan Pendaftar Universiti.

#### **4.6. Lain-lain Syarat Pelantikan Penyelia**

- Bagi bidang-bidang yang mempunyai Standard Program, syarat pelantikan Penyelia Utama, Penyelia Bersama dan Penyelia Lapangan perlu mengikuti keperluan yang telah ditetapkan. Sebarang perubahan kepada syarat pelantikan ini perlu mendapatkan kelulusan Senat dan dimasukkan ke dalam lampiran Buku Peraturan sebagai Syarat Khas Mengikut Bidang.
- Sebarang pengemaskinian syarat pelantikan Penyelia Utama, Penyelia Bersama dan Penyelia Lapangan yang terkini oleh badan akreditasi dan Jabatan Pengajian Tinggi

(JPT) akan digunakan bermula dari tarikh kuatkuasa sesuatu perubahan syarat tersebut.

## **PERKARA 5: TAHUN AKADEMIK**

### **5.1. Program Mod Penyelidikan**

- 5.1.1. Tahun akademik pengajian Program Sarjana dan Doktor Falsafah Mod Penyelidikan dibahagi kepada dua (2) semester iaitu semester I dan semester II (rujuk Jadual 8).
- 5.1.2. Setiap semester sekurang-kurangnya mengandungi 18 minggu (termasuk penyelidikan, pembentangan kertas kerja cadangan, kuliah, kolokium, laporan kemajuan kajian dan peperiksaan lisan).

### **5.2. Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran**

- 5.2.1. Tahun akademik pengajian Program Sarjana Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran dibahagi kepada dua (2) semester lazim iaitu semester I dan semester II (rujuk Jadual 8). Setiap semester mengandungi sekurang-kurangnya 18 minggu (termasuk kuliah, peperiksaan dan persediaan).
- 5.2.2. Di samping dua (2) semester lazim di atas, universiti juga mempunyai satu (1) semester pendek yang mengandungi sembilan (9) minggu dan dijalankan selepas semester II adalah tidak termasuk dalam pengiraan tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu program.
- 5.2.3. Walaupun bagaimanapun bagi program-program yang telah diluluskan oleh Senat (rujuk Lampiran 4) satu (1) semester pendek iaitu semester III yang mengandungi sembilan (9) minggu dan dijalankan selepas semester II, adalah termasuk dalam pengiraan tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu program.
- 5.2.4. Tahun akademik bagi program akademik secara kerjasama dengan PPT adalah tertakluk kepada perjanjian kerjasama yang ditandatangani.

**JADUAL 8: TAHUN AKADEMIK PROGRAM SISWAZAH**

PROGRAM	TAHUN AKADEMIK		
	SEMESTER I	SEMESTER II	SEMESTER III***
SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH MOD PENYELIDIKAN	18 Minggu*	18 Minggu*	Tiada
SARJANA MOD KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN	18 Minggu**	18 Minggu**	9 Minggu**

\* Termasuk penyelidikan, pembentangan kertas kerja cadangan, kuliah, kolokium, laporan kemajuan kajian dan peperiksaan lisan.

\*\* Termasuk kuliah, peperiksaan dan persediaan.

\*\*\*Merujuk senarai program dalam Lampiran 4.

## PERKARA 6: YURAN PENGAJIAN, TEMPOH PENGAJIAN, TEMPOH MASTAUTIN DAN PENEMPATAN PROGRAM

### **6.1. Yuran Pengajian**

- 6.1.1. Pelajar yang tidak menjelaskan yuran tertunggak tidak dibenarkan mendaftar kursus dan mengikuti pengajian.
- 6.1.2. Pelajar yang tidak menjelaskan yuran dalam tempoh yang ditentukan oleh universiti boleh ditangguhkan pengajian pada semester berkenaan.
- 6.1.3. Yuran pengajian bagi pelajar yang mengikuti program Ijazah secara (i) Dual; (ii) Dwi atau (iii) Bersama adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh kedua-dua universiti melainkan jika ada persetujuan lain yang dimeterai dalam perjanjian yang dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian (MoA).

### **6.2. Tempoh Pengajian**

- 6.2.1. Pelajar yang mendaftar program Sarjana atau Doktor Falsafah mesti memenuhi tempoh pengajian yang telah ditetapkan (Jadual 9).
- 6.2.2. Walau bagaimanapun, Senat boleh memberikan pengecualian kepada pelajar cemerlang dengan menamatkan pengajian dalam jangka masa yang lebih singkat. Definisi pelajar cemerlang perlu dirujuk pada Buku Panduan Akademik Pengajian Siswazah.
- 6.2.3. Pengiraan tempoh pengajian bagi pelajar program Doktor Falsafah (Naik Taraf dari program Sarjana) adalah bermula dari tarikh kelulusan Senat permohonan pelajar bagi naik taraf program Sarjana ke Doktor Falsafah.
- 6.2.4. Pelajar yang ingin melanjutkan tempoh maksimum pengajian perlu mendapat kelulusan Dekan Fakulti dan tempoh yang dibenarkan bagi setiap permohonan adalah satu semester. Permohonan perlu dibuat dan diluluskan sebelum semester yang dimohon bermula.

**JADUAL 9: TEMPOH PENGAJIAN BAGI SETIAP PROGRAM**

PROGRAM	MOD	SEPENUH MASA		SEPARUH MASA	
		MINIMUM	MAKSIMUM	MINIMUM	MAKSIMUM
SARJANA	Kerja Kursus*	12 bulan (1 Tahun)	36 bulan (3 Tahun)	24 bulan (2 Tahun)	60 bulan (5 Tahun)
	Campuran*	24 bulan (2 Tahun)	48 bulan (4 Tahun)	36 bulan (3 Tahun)	72 bulan (6 Tahun)
	Penyelidikan	36 bulan (3 Tahun)	72 bulan (6 Tahun)	48 bulan (4 Tahun)	96 bulan (8 Tahun)
DOKTOR FALSAFAH	Penyelidikan**				

\*bergantung kepada kelulusan program oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

\*\*bermula kemasukan pelajar Semester II 2019/2020

### **6.3. Tempoh Mastautin**

- 6.3.1. Pelajar yang mendaftar program Sarjana atau Doktor Falsafah mesti memenuhi tempoh minimum mastautin yang telah ditetapkan.
- 6.3.2. Tempoh minimum mastautin bagi semua mod program Sarjana dan Doktor Falsafah adalah satu (1) semester <sup>[2]</sup>.

[2] Bermula kemasukan pelajar Semester II Sesi 2019/2020.

### **6.4. Penempatan Program**

- 6.4.1. Program Sarjana dan Doktor Falsafah Mod Penyelidikan boleh dijalankan di:
- a. Fakulti atau Pusat Penyelidikan atau Institut di universiti yang diiktiraf sama ada di dalam atau luar negara; ATAU
  - b. Industri, komersial, kerajaan, pendidikan atau organisasi penyelidikan yang diluluskan oleh Senat; ATAU
  - c. Gabungan perkara di atas.
- 6.4.2. Walaupun pelajar boleh menjalankan kajian di industri atau di institusi yang telah diluluskan, namun pelajar perlu mengikuti semua penilaian dan aktiviti akademik yang dijalankan oleh Fakulti semasa pengajian pelajar.
- 6.4.3. Pelajar perlu mendapatkan kelulusan rasmi dari Dekan Fakulti dan IPS untuk penempatan program di luar negara bagi satu tempoh yang dibenarkan. Surat rasmi dari universiti yang berkaitan perlu dilampirkan sebagai bukti.
- 6.4.4. Pelajar yang mengikuti program Ijazah secara (i) Dual (ii) Dwi atau (iii) Bersama perlu menjalankan pengajian mereka di universiti/institusi yang telah didaftar oleh pelajar.

## **PERKARA 7: PENDAFTARAN PELAJAR**

### **7.1 Pendaftaran Pengajian Pelajar Baharu**

- 7.1.1 Semua calon pelajar hendaklah mendaftar diri ke program yang telah ditawarkan setelah menjelaskan yuran pengajian mengikut tarikh yang ditetapkan universiti.
- 7.1.2 Tawaran kemasukan adalah terbatas dengan sendirinya jika mana-mana calon pelajar tidak mendaftar program pada tarikh yang ditetapkan universiti.
- 7.1.3 Semua calon pelajar Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran hendaklah mendaftar selewat-lewatnya minggu ke-2 semester pengajian.
- 7.1.4 Bagi calon pelajar Program Mod Penyelidikan hendaklah mendaftar selewat-lewatnya minggu ke-15 semester pengajian.
- 7.1.5 Semua pelajar Program Mod Penyelidikan perlu menghantar Pelan Penyelidikan secara dalam talian sebelum minggu ke-16 semester pengajian.
- 7.1.6 Calon pelajar Program Mod Penyelidikan dibenarkan mendaftar selepas minggu ke-15 dengan status 'Baru Mendaftar' (BM) dan semester tersebut tidak akan dikira dalam tempoh pengajian pelajar.
- 7.1.7 Calon pelajar yang mengikuti program Ijazah secara (i) Dual (ii) Dwi atau (iii) Bersama perlu mendaftar di UMPSA dan Institusi Pengajian Tinggi yang telah ditetapkan.

- 7.1.8 Pelajar antarabangsa hendaklah mendapatkan kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia sebelum memasuki Malaysia. Pelajar juga perlu mematuhi semua peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.
- 7.1.9 Pelajar UMPSA yang berdaftar, sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa tidak dibenarkan mendaftar untuk ijazah atau program pengajian lain dengan mana-mana institusi pengajian.
- 7.1.10 Pelajar hendaklah mematuhi semua peraturan dan undang-undang universiti setelah menandatangani borang akujanji semasa pendaftaran.

### **7.2 Pendaftaran Pelajar Kanan<sup>[3]</sup>**

- 7.2.1 Pelajar hendaklah mendaftar setiap kursus yang diambil pada setiap semester dalam tempoh masa yang ditetapkan universiti.
- 7.2.2 Semua pelajar kanan dan pelajar kanan yang terputus pengajian hendaklah mendaftar kursus pada semester berikutnya serta menjelaskan yuran pengajian mengikut tarikh yang ditetapkan universiti.
- 7.2.3 Pelajar kanan yang terputus pengajian disebabkan oleh penangguhan, penggantungan, atau sebab-sebab lain dengan kelulusan, dibenarkan untuk mendaftar semula program.
- 7.2.4 Pelajar Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran boleh mendaftar kursus melebihi jumlah kredit maksimum tertakluk kepada kebenaran Dekan Fakulti.
- 7.2.5 Semua pelajar kanan hendaklah mendaftar selewat-lewatnya minggu ke-2 semester pengajian.
- 7.2.6 Pelajar boleh diberhentikan pengajian sekiranya pelajar gagal mendaftar kursus tanpa sebab yang munasabah.
- 7.2.7 Pelajar yang tidak mendaftar kursus hendaklah memohon penangguhan pengajian dan penangguhan ini diambil kira sebagai tempoh pengajian pelajar (Rujuk Perkara 19).
- 7.2.8 Pelajar kanan yang terputus pengajian hendaklah membuat pendaftaran semula.

### **7.3 Pendaftaran Pengajian Lewat**

Pelajar yang mendaftar pengajian lewat dari tempoh pendaftaran akan dikenakan kadar denda yang telah ditetapkan.

[3] Kemasukan pelajar sebelum Semester I Sesi Akademik 2022/2023 perlu memperbarui pendaftaran dengan membayar yuran pelbagai, manakala kemasukan pelajar bermula Semester I Sesi Akademik 2022/2023, perlu memperbarui pendaftaran dengan membayar yuran Peperiksaan Lisan dan yuran pelbagai semasa penyerahan tesis ke IPS.

#### **7.4 Pendaftaran Kursus**

- 7.4.1 Pelajar hendaklah mendaftar setiap kursus yang diambil pada setiap semester dalam tempoh masa yang ditetapkan universiti.
- 7.4.2 Pelajar perlu mendaftar sekurang-kurangnya dengan jumlah kredit minimum.
- 7.4.3 Pelajar hendaklah mendaftar kursus dengan kod kursus yang betul atau setara.
- 7.4.4 Semua pelajar kanan dan pelajar kanan yang terputus pengajian hendaklah mendaftar kursus pada semester berikutnya serta menjelaskan yuran pengajian mengikut tarikh yang ditetapkan universiti.
- 7.4.5 Kegagalan pelajar kanan mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang dapat diterima universiti akan menyebabkan pelajar diberhentikan daripada pengajian.

#### **7.5 Pendaftaran Kursus Hadir Wajib**

- 7.5.1 Pelajar dikehendaki mengulang Kursus Hadir Wajib (HW) yang gagal sehingga lulus.
- 7.5.2 Kredit kursus yang didaftarkan dengan status HW tidak diambil kira dalam pengiraan nilai gred. Pelajar yang mendaftar kursus HW hendaklah memenuhi keperluan kehadiran dan mengikuti segala bentuk penilaian.
- 7.5.3 Gred kursus bagi pelajar lulus adalah 'Hadir Lulus' (HL) manakala gred bagi pelajar gagal dan perlu ulang kursus adalah 'Tidak Selesai' (TS).

#### **7.6 Pindaan Pendaftaran Kursus**

- 7.6.1 Pelajar boleh tambah atau gugur kursus dalam tempoh yang ditetapkan.
- 7.6.2 Sebarang permohonan pembetulan lewat daripada tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang boleh diterima universiti akan dikenakan denda.

#### **7.7 Tarik Diri Kursus**

- 7.7.1 Pelajar boleh memohon untuk menarik diri daripada mana-mana kursus yang telah didaftarkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh universiti.
- 7.7.2 Kod TD akan dicatatkan dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip pelajar.

#### **7.8 Pendaftaran Ulang Kursus**

- 7.8.1 Pelajar yang gagal kursus, hendaklah mengulang kursus tersebut sehingga lulus.
- 7.8.2 Pelajar yang mengulang kursus, gred terkini akan menggantikan gred terdahulu.
- 7.8.3 Bagi tujuan pengiraan nilai gred, mata nilai terkini kursus yang diulang akan diambil kira dan mata nilai terdahulu dimansuhkan.
- 7.8.4 Kod U akan dicatat dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip.

### **PERKARA 8: PINDAH KREDIT DAN PENGECUALIAN KURSUS**

#### **8.1 Pindah Kredit Secara Menegak (*Vertical*)**

- 8.1.1 Pelajar Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran boleh diberi Perpindahan Kredit Secara Menegak dengan syarat:

- a. pelajar hendaklah memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf setaraf oleh Senat dengan kesetaraan kandungan kursus atau hasil pembelajaran tidak kurang daripada 80%; ATAU
  - b. calon mempunyai pengalaman yang diakui oleh Senat sebagai setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda; DAN
  - c. perpindahan kredit hendaklah dimohon pada semester pertama pengajian kecuali dengan kebenaran Dekan.
- 8.1.2 Gred minimum bagi perpindahan kredit kursus adalah B atau tertakluk kepada ketetapan semasa fakulti.
- 8.1.3 Pelajar boleh memohon perpindahan kredit secara menegak tertakluk kepada kelulusan Dekan fakulti.
- 8.1.4 Perpindahan kredit dibenarkan sebanyak 30% (gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik dan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (APEL.C), *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan *Micro-Credential* (MC) daripada jumlah kredit bergraduat program Sarjana yang akan diikuti.
- 8.1.5 Perpindahan kursus teras Sarjana boleh diambil sebagai kursus Elektif atau Sijil Program Pengkhususan Terbuka (SPPT) di peringkat Sarjana Muda UMPSA.
- 8.1.6 Pelaksanaan dasar perpindahan kredit ini tidak terhad kepada program-program di dalam UMPSA sahaja tetapi boleh juga dipertimbangkan untuk IPT lain (termasuk program mobiliti antarabangsa). Sekiranya melibatkan IPT lain, perlu ada tatacara pelaksanaan antara IPT tersebut dengan UMPSA.
- 8.1.7 Pelajar Doktor Falsafah boleh memohon pengecualian Kursus Metodologi Penyelidikan jika kesetaraan antara kandungan kursus atau hasil pembelajaran tidak kurang daripada 80%.

## **8.2 Pindah Kredit Secara Melintang (*Horizontal*)**

- 8.2.1 Pelajar Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran boleh diberi perpindahan kredit secara melintang iaitu perpindahan kredit bersama nilai gred berdasarkan situasi berikut:
- a. Perpindahan kredit tidak dibenarkan bagi pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran kali kedua dalam peringkat yang sama dengan kelayakan yang dimiliki.
  - b. Perpindahan kredit dibenarkan bagi pelajar yang sedang mengikuti program dan ingin menukar program lain dalam bidang yang sama dengan program yang sedang diikuti.
  - c. Tiada had perpindahan kredit bagi pertukaran program di dalam universiti yang sama.
  - d. Had perpindahan kredit bagi pelajar dari PPT yang lain ke universiti, adalah tertakluk kepada syarat pemastautin pelajar sekurang-kurangnya satu semester dan tempoh mastautin ini mesti melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak termasuk mobiliti atau setara.
  - e. Perpindahan kredit adalah tidak dibenarkan bagi pelajar yang gagal program dan ingin melanjutkan pengajian dalam program yang lain di peringkat yang sama.
  - f. Perpindahan kredit boleh dipertimbangkan bagi pelajar yang berhenti belajar pengajian dan kemudianya ingin menyambung semula pengajian tetapi dalam program lain di peringkat yang sama.

- g. Jumlah perpindahan kredit melintang bagi MOOC ialah tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit bergraduat.
- 8.2.2 Pelajar Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran boleh memohon perpindahan kredit secara melintang sesuatu Kursus dengan syarat:
- Kursus berkenaan adalah daripada program yang setara dengan program yang bakal diikuti;
  - Kesetaraan antara kandungan kursus atau hasil pembelajaran hendaklah tidak kurang daripada 80%;
  - Perpindahan kredit secara melintang yang diluluskan akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK; dan
  - Nilai kredit kursus bagi program terdahulu hendaklah sekurang-kurangnya setara dengan nilai kredit kursus yang dimohon.
- 8.2.3 Perpindahan kredit dibenarkan sebanyak 30% (secara menegak dan melintang) daripada jumlah kredit bergraduat program Sarjana yang akan diikuti.

### **8.3 Pengecualian Kursus**

- 8.3.1 Pengecualian kursus tidak akan menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan.
- 8.3.2 Sekiranya pengecualian kursus bagi Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran akan menyebabkan keperluan kredit bergraduat tidak mencukupi, maka pelajar perlu mengambil kursus lain bagi menggantikan kursus tersebut.
- 8.3.3 Pelajar Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran yang mempunyai pengalaman setaraf dengan kursus peringkat Sarjana yang diluluskan oleh Senat, boleh diberikan pengecualian kursus.

## **PERKARA 9: PERTUKARAN MOD PEMBELAJARAN, MOD PENGAJIAN, KAEADAH PENGAJIAN, BIDANG PENYELIDIKAN DAN PENYELIA**

### **9.1. Pertukaran Mod Pembelajaran**

- 9.1.1 Pelajar yang berhasrat menukar mod pembelajaran dari sepenuh masa ke separuh masa atau sebaliknya perlu mendapat kelulusan Dekan Fakulti.
- 9.1.2 Pertukaran mod pembelajaran dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian pelajar.
- 9.1.3 Permohonan perlu dibuat satu semester sebelum semester pertukaran mod pembelajaran dan dimohon secara dalam talian.

### **9.2. Pertukaran Mod Pengajian**

- 9.2.1 Pelajar Sarjana yang berhasrat menukar Mod Pengajian (Mod Penyelidikan/Mod Kerja Kursus/Mod Campuran) perlu mendapat kelulusan MF.
- 9.2.2 Pertukaran jenis pengajian dibenarkan satu (1) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian pelajar.
- 9.2.3 Permohonan perlu dibuat setelah satu semester pengajian pelajar.

### 9.3. Pertukaran Kaedah Pengajian

- 9.3.1. Pertukaran kaedah pengajian dibenarkan satu (1) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian pelajar.
- 9.3.2. Pertukaran Kaedah Pengajian Penyelidikan Jarak Jauh dan Kaedah Industri kepada Konvensional adalah dibenarkan.
- 9.3.3. Pertukaran Kaedah Pengajian Kaedah Industri kepada Penyelidikan Jarak Jauh adalah dibenarkan tetapi bukan sebaliknya.
- 9.3.4. Kaedah Pengajian secara Laluan Pantas boleh ditukarkan kepada Kaedah Konvensional program Sarjana berikutnya hasil daripada keputusan Kertas Kerja Pencalonan (*Candidature Defense*).
- 9.3.5. Kaedah Pengajian Konvensional Sarjana boleh dinaik taraf kepada Kaedah Pengajian Konvensional Doktor Falsafah mengikut kriteria yang telah ditetapkan di Perkara 10.1.

### 9.4. Pertukaran Bidang Penyelidikan

- 9.4.1 Pelajar program Sarjana dan Doktor Falsafah Mod Penyelidikan yang berhasrat menukar bidang penyelidikan perlu mendapat sokongan Penyelia Utama dan kelulusan Mesyuarat Fakulti (MF).
- 9.4.2 Pertukaran bidang penyelidikan dibenarkan satu (1) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian pelajar.
- 9.4.3 Hanya pelajar kanan dibenarkan untuk memohon pertukaran bidang penyelidikan.
- 9.4.4 Permohonan pertukaran bidang penyelidikan tidak dibenarkan selepas penganugerahan.

### 9.5. Pertukaran Penyelia

- 9.5.1 Pertukaran Penyelia perlu melalui kelulusan MF atas justifikasi kukuh hanya sebelum Notis Penghantaran Tesis.

## PERKARA 10: NAIK TARAF PROGRAM PENGAJIAN

### 10.1 Naik Taraf Program Pengajian

- 10.1.1 Naik Taraf program Sarjana ke program Doktor Falsafah hanya dibenarkan kepada pelajar Sarjana Mod Penyelidikan Kaedah Konvensional di UMPSA.
- 10.1.2 Pelajar Sarjana yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda atau bidang yang berkaitan dengan:
  - a.  $\text{PNGK} \geq 3.00$ ; ATAU
  - b.  $2.75 \leq \text{PNGK} < 3.00$  dengan 10 tahun pengalaman bekerja di bidang berkaitan.
    - 10.1.3 Pelajar boleh naik taraf program pengajian dengan memenuhi syarat-syarat berikut:
      - a. permohonan secara atas talian perlu dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan bagi pelajar mod sepenuh masa manakala dalam tempoh dua puluh empat (24) bulan bagi pelajar mod separuh masa; DAN
      - b. telah menerbitkan dua (2) artikel dalam prosiding persidangan berindeks SCOPUS/WOS/ERA ATAU menerbitkan satu (1) artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS/WOS/ERA; DAN
      - c. permohonan naik taraf program telah mendapat kelulusan Senat.

- 10.1.4 Pelajar perlu lulus tiga (3) Kursus Kompetensi yang relevan yang telah dikenal pasti oleh fakulti sebagai syarat penganugerahan.<sup>[4]</sup>
- 10.1.5 Pelajar hanya dibenarkan untuk membuat Notis Penyerahan Tesis sekurang-kurangnya seawal enam (6) bulan sebelum tempoh minimum pengajian aktif pelajar.<sup>[4]</sup>
- 10.1.6 Pengiraan tempoh pengajian bagi pelajar program Doktor Falsafah (Naik Taraf dari program Sarjana) adalah bermula dari tarikh kelulusan Senat permohonan pelajar.
- 10.1.7 Pelajar hanya dibenarkan mengemukakan permohonan sekali sepanjang tempoh pengajian.

**10.2 Program Pengajian secara Laluan Pantas**

- 10.2.1 Program pengajian secara laluan pantas hanya dibenarkan kepada calon yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan dengan Kepujian Kelas Pertama atau PNGK  $\geq 3.67$  dan setara daripada program akademik atau TVET. Bagi calon antarabangsa, tawaran hanya dibuka kepada Alumni UMPSA sahaja.
- 10.2.2 Calon dikehendaki membuat permohonan secara dalam talian mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 10.2.3 Calon perlu membuat pembentangan Kertas Kerja Pencalonan (*Candidature Defense*) pada Semester empat (4).
- 10.2.4 Pelajar perlu lulus tiga (3) Kursus Kompetensi yang relevan yang telah dikenal pasti oleh fakulti sebelum menjalankan pembentangan Kertas Kerja Pencalonan (*Candidature Defense*).<sup>[4]</sup>
- 10.2.5 Pelajar perlu menerbitkan dua (2) penerbitan jurnal berindeks Scopus atau yang setara sebelum menjalankan pembentangan Kertas Kerja Pencalonan (*Candidature Defense*).
- 10.2.6 Pelajar tidak akan dianugerahkan kelayakan Sarjana sebagai penganugerahan 'exit award' sekiranya tidak memenuhi pencapaian pada tahap Doktor Falsafah.
- 10.2.7 Namun, pengajian pelajar akan ditukarkan kepada Sarjana kaedah Konvensional Sepenuh Masa, sekiranya pelajar tidak mencapai merit akademik Doktor Falsafah dalam pembentangan Kertas Kerja Pencalonan.

**PERKARA 11: SKIM KREDIT**

**11.1. Kredit Kursus dan Nilai Kredit**

Setiap kursus mempunyai nilai kredit dan pengiraan nilai kredit adalah berdasarkan SLT atau mengikut ketetapan universiti.

**11.2. Beban Kredit Maksimum**

Beban kredit maksimum bagi pelajar bergantung kepada fakulti.

**11.3. Kredit Minimum Program**

Kredit minimum bagi program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran adalah 40 jam kredit.

[4] Semua pelajar baharu dan sedia ada.

## PERKARA 12: PENILAIAN

### 12.1 Kehadiran

- 12.1.1 Pelajar hendaklah menghadiri perkuliahan mengikut ketetapan universiti.
- 12.1.2 Peraturan 12.1.1 adalah tidak terpakai kepada kursus yang dikendalikan secara fleksibel yang diluluskan oleh Senat.
- 12.1.3 Peraturan 12.1.1 adalah tidak terpakai kepada pelajar yang perlu menyertai aktiviti akademik khas dengan kelulusan Dekan Fakulti. Pelajar adalah bertanggungjawab sepenuhnya memastikan hasil pembelajaran tercapai.

### 12.2 Skim Penilaian

Penilaian bagi setiap kursus boleh dibuat secara berkala dan berterusan dalam sesuatu semester mengikut kaedah yang ditentukan fakulti tertakluk kepada kelulusan Senat.

### 12.3 Peperiksaan Akhir

- 12.3.1 Pelajar yang layak, perlu mengambil peperiksaan akhir. Ketidakhadiran untuk peperiksaan akhir tanpa alasan yang diterima oleh universiti boleh menyebabkan pelajar diberi gred gagal (F).
- 12.3.2 Pelajar hendaklah mematuhi Peraturan Peperiksaan Akhir yang telah ditetapkan. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap pelajar yang melanggar mana-mana arahan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.
- 12.3.3 Pengumuman Keputusan Peperiksaan Akhir akan diumumkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh universiti.

### 12.4 Peperiksaan Khas

- 12.4.1 Peperiksaan Khas boleh diadakan untuk kes-kes berikut:
- Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir kerana disahkan sakit oleh pegawai perubatan universiti atau kerajaan; ATAU
  - Pelajar yang kematian ibu/bapa/penjaga/suami/isteri/anak; ATAU
  - Pelajar yang perlu memberi penjagaan rapi kepada ibu/bapa /penjaga /suami/isteri/anak yang mengalami sakit tenat; ATAU
  - Sebab-sebab lain yang boleh diterima universiti.
- 12.4.2 Peperiksaan khas tidak boleh diadakan bagi kes seperti berikut:
- Pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir tanpa sebab yang boleh diterima oleh universiti; ATAU
  - Pelajar yang gagal disebabkan kecurangan akademik tidak layak mengambil peperiksaan khas.

**12.5. Semakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan Akhir dan Penilaian Akhir**

- a. Pelajar boleh membuat rayuan semakan semula skrip jawapan peperiksaan akhir dan penilaian akhir di fakulti bagi mana-mana kursus dalam tempoh tujuh (7) hari selepas gred diumumkan atau mengikut tarikh yang ditetapkan oleh universiti.
- b. Rayuan semakan semula skrip jawapan peperiksaan akhir dan penilaian akhir ialah semakan semula skrip jawapan peperiksaan akhir oleh pensyarah bagi memastikan bahawa tidak terdapat kesilapan teknikal iaitu dari segi salah pengiraan atau tertinggal sesuatu bahagian dari diperiksa.
- c. Pelajar boleh merujuk kepada Panduan Peperiksaan Akhir dan Penilaian Akhir yang dikeluarkan oleh universiti untuk maklumat lanjut.

**12.6. Kecurangan Akademik**

Sebarang aktiviti kecurangan akademik adalah dilarang dan pelajar yang didapati bersalah akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-kaedah UMPSA (Tatatertib Pelajar-pelajar) 2009.

**12.7. Pelan Penyelidikan**

- 12.7.1 Pelajar dalam program Mod Penyelidikan perlu menghantar Pelan Penyelidikan secara dalam talian kepada Penyelia Utama pada semester pertama pengajian.
- 12.7.2 Pelan Penyelidikan pelajar dinilai dan diperakukan oleh Penyelia Utama.

**12.8. Pembentangan Kertas Kerja Cadangan Penyelidikan**

- 12.8.1 Pelajar bagi program Mod Penyelidikan perlu membentangkan Kertas Kerja Cadangan Penyelidikan.
- 12.8.2 Pelajar Sarjana Mod Penyelidikan dan Doktor Falsafah secara sepenuh dan separuh masa perlu membentangkan kertas kerja cadangan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 12.8.3 Kursus Metodologi Penyelidikan adalah kursus umum wajib diselesaikan oleh pelajar sebelum dibenarkan membuat pembentangan kertas kerja cadangan penyelidikan.
- 12.8.4 Senarai nama panel pemeriksa bagi sesi pembentangan Kertas Kerja Cadangan Penyelidikan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian SiswaZah Fakulti (JPSF) dan dimaklumkan di Mesyuarat Fakulti (MF).
- 12.8.5 Laporan penilaian kertas kerja cadangan penyelidikan dihantar oleh pemeriksa secara dalam talian dan laporan ini sebagai panduan bagi menambahbaik kualiti penyelidikan pelajar.
- 12.8.6 Pelajar tidak perlu menghantar pembetulan penilaian Kertas Kerja Cadangan Penyelidikan.

**12.9. Pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan (Naik Taraf Program)**

- 12.9.1 Pelajar Program Sarjana Mod Penyelidikan yang ingin menaik taraf program ke Doktor Falsafah secara Naik Taraf Program Pengajian perlu menjalankan pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan (*Candidature Defense*).

- 12.9.2 Senarai nama panel pemeriksa bagi sesi pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian SiswaZah Fakulti (JPSF) dan dimaklumkan di Mesyuarat Fakulti (MF).
- 12.9.3 Laporan penilaian pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan dihantar oleh pemeriksa secara dalam talian dan laporan ini menentukan kelayakan pelajar untuk naik taraf ke Program Doktor Falsafah. Pelajar akan dikenakan di program Sarjana jika pelajar tidak memenuhi kelayakan.
- 12.9.4 Pelajar tidak perlu menghantar pembetulan penilaian pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan.
- 12.10. Pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan (Program Pengajian secara Laluan Pantas)**
- 12.10.1 Calon graduan Ijazah Sarjana Muda yang ingin menaik taraf program ke Doktor Falsafah secara Laluan Pantas perlu menjalankan pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan (*Candidature Defense*) pada semester empat (4) pengajian Doktor Falsafah.
- 12.10.2 Senarai nama panel pemeriksa bagi sesi pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan diluluskan oleh JPSF dan dimaklumkan di MF.
- 12.10.3 Laporan penilaian pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan dihantar oleh pemeriksa secara dalam talian dan laporan ini menentukan kelayakan merit akademik pelajar bagi Program Doktor Falsafah. Pelajar akan ditukarkan kepada program Sarjana Kaedah Konvensional jika pelajar tidak memenuhi kelayakan.
- 12.10.4 Pelajar tidak perlu menghantar pembetulan penilaian pembentangan Kertas Kerja Cadangan Pencalonan.
- 12.11. Laporan Kemajuan**
- 12.11.1 Pelajar bagi program Mod Penyelidikan perlu menghantar Laporan Kemajuan kepada Penyelia Utama secara dalam talian setiap semester.
- 12.11.2 Laporan Kemajuan pelajar dinilai dan diperakurakan oleh Penyelia Utama.
- 12.11.3 Kegagalan pelajar menghantar Laporan Kemajuan ini tanpa alasan yang diterima oleh universiti boleh menyebabkan pelajar diberi gred TM.
- 12.11.4 Pelajar yang mendapat gred TM bagi dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang diterima oleh universiti boleh menyebabkan pelajar diberhentikan pengajian.
- 12.11.5 Pengumuman Keputusan Laporan Kemajuan akan diumumkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh universiti.
- 12.12. Pembentangan Hasil Penyelidikan dalam Kolokium/Seminar**
- 12.12.1 Pelajar bagi program Mod Penyelidikan perlu membentangkan hasil penyelidikan dalam Kolokium atau Seminar.
- 12.12.2 Laporan penilaian kolokium atau seminar dihantar oleh penilai secara dalam talian dan laporan ini sebagai panduan bagi menambah baik kualiti penyelidikan pelajar.
- 12.12.3 Pelajar tidak perlu menghantar pembetulan penilaian pembentangan hasil penyelidikan dalam kolokium atau seminar.

**12.13 Penerbitan Artikel [5]**

- 12.13.1 Pelajar bagi program Sarjana Mod Penyelidikan perlu menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam prosiding persidangan berindeks SCOPUS atau setara (Lampiran 5). Ringkasan penerbitan artikel boleh dirujuk dalam Jadual 10.
- 12.13.2 Pelajar bagi program Doktor Falsafah perlu menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) jurnal berindeks SCOPUS atau setara (Lampiran 5).
- 12.13.3 Hanya afiliasi 'Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah' dalam penerbitan pelajar sahaja diambil kira untuk penganugerahan.
- 12.13.4 Semua penerbitan pelajar mestilah telah didaftarkan di bawah UMPSA-IR.
- 12.13.5 Pelajar mestilah menjadi pengarang pertama (*first author*) dan penyelia mestilah merupakan pengarang koresponden (*corresponding author*) atau setara bagi artikel yang diterbitkan. Bagi persetaraan boleh dirujuk di dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah.

**JADUAL 10: BILANGAN PENERBITAN ARTIKEL MENGIKUT PROGRAM**

PROGRAM	MOD	SYARAT
SARJANA	Penyelidikan	1 artikel dalam prosiding persidangan berindeks SCOPUS atau setara.
DOKTOR FALSAFAH	Penyelidikan	2 jurnal berindeks SCOPUS atau setara.

**12.14 Pra-Peperiksaan Lisan**

- 12.14.1 Pelajar bagi program Mod Penyelidikan perlu membuat pembentangan dalam pra-peperiksaan lisan.
- 12.14.2 Pra-peperiksaan lisan merupakan penilaian prasyarat bagi Peperiksaan Lisan.
- 12.14.3 Pra-peperiksaan lisan dibuat setelah pelajar menghantar Notis Penyerahan Tesis dan MF telah meluluskan pelantikan panel pemeriksa.
- 12.14.4 Laporan penilaian pra-peperiksaan lisan diantar oleh penilai secara dalam talian dan laporan ini sebagai panduan bagi menambah baik kualiti Tesis pelajar.
- 12.14.5 Pelajar tidak perlu menghantar pembetulan penilaian pembentangan pra-peperiksaan lisan.

[5] Bermula kemasukan pelajar Semester I Sesi Akademik 2021/2022

### 12.15 Tesis/Disertasi/Laporan Projek Sarjana

12.15.1 Pelajar bagi program Mod Penyelidikan perlu membuat Notis Penyerahan Tesis sebelum menghantar Tesis untuk peperiksaan lisan berdasarkan syarat-syarat berikut:

- a. Pelajar hanya dibenarkan untuk membuat Notis Penyerahan Tesis sekurang-kurangnya seawal enam (6) bulan sebelum tempoh minimum pengajian aktif pelajar. [6]
- b. Kelulusan dari Senat diperlukan jika pelajar ingin membuat Notis Penyerahan Tesis lebih awal dari tempoh yang ditetapkan.
- c. Status pelajar mestilah aktif semasa membuat Notis Penyerahan Tesis.
- d. Pelajar diminta untuk memuat naik ringkasan/abstrak tesis secara dalam talian bersama-sama dengan Notis Penyerahan Tesis.
- e. Pelajar harus mengemukakan permohonan bertulis yang disahkan oleh penyelia utama untuk memohon pelanjutan tempoh Notis Penyerahan Tesis sekiranya pelajar gagal mengemukakan tesis dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh Notis Penyerahan Tesis.

12.15.2 Pelajar bagi program Mod Penyelidikan perlu menyerahkan Tesis untuk peperiksaan lisan berdasarkan syarat-syarat berikut:

- a. Penyerahan Tesis mesti dibuat semasa tempoh pengajian pelajar dan setelah pelajar memenuhi syarat minimum penerbitan dan tempoh minimum pengajian pelajar berasaskan semester yang aktif.
- b. IPS tidak akan menerima Tesis yang tidak ditulis mengikut format yang ditetapkan dalam Panduan Tesis UMPSA.
- c. Pelajar perlu memenuhi keperluan indeks kesamaan Tesis yang telah ditetapkan.
- d. Pelajar perlu menyerahkan salinan Tesis secara dalam talian untuk peperiksaan lisan berserta Laporan Semakan Plagiarisme, borang penilaian pra-peperiksaan lisan dan salinan penerbitan yang telah didaftarkan di UMPSA-IR.
- e. Sekiranya terdapat perubahan pada tajuk Tesis dari tajuk Tesis yang dihantar semasa Notis Penyerahan Tesis, pelajar perlu mendapatkan pengakuan bertulis daripada penyelia utama dan pengesahan daripada Dekan Fakulti.

[6] Semua pelajar baharu dan sedia ada.

### **12.16 Peperiksaan Lisan**

- 12.16.1 Pelajar bagi program Mod Penyelidikan yang layak, perlu membuat pembentangan dalam peperiksaan lisan. Ketidakhadiran untuk peperiksaan lisan tanpa alasan yang diterima oleh universiti boleh menyebabkan pelajar diberhentikan pengajian.
- 12.16.2 Pelajar bagi program Ijazah Dual perlu menghadiri peperiksaan lisan sekurang-kurangnya satu (1) kali di salah satu institusi.
- 12.16.3 Pelajar bagi program Ijazah Dwi perlu menghadiri peperiksaan lisan di kedua-dua institusi.
- 12.16.4 Pelajar bagi program Ijazah Bersama perlu menghadiri peperiksaan lisan sekurang-kurangnya satu (1) kali di salah satu institusi.
- 12.16.5 Pelajar hendaklah mematuhi Peraturan Peperiksaan Lisan yang telah ditetapkan. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap pelajar yang melanggar mana-mana arahan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.
- 12.16.6 Pengumuman Keputusan Peperiksaan Lisan akan diumumkan setelah tamat sesi peperiksaan lisan oleh Pengerusi Peperiksaan Lisan.
- 12.16.7 Pelajar yang tidak menghantar pembetulan Tesis dalam tempoh yang telah ditetapkan tanpa alasan yang diterima oleh universiti boleh menyebabkan pelajar diberhentikan pengajian.
- 12.16.8 Pelajar perlu menghantar pembetulan Tesis untuk pengesahan penyelia dan / atau pemeriksa sebelum penghantaran Tesis berjilid keras bagi penganugerahan.
- 12.16.9 Pengumuman penganugerahan akan diumumkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh universiti.

## **PERKARA 13: PENULISAN TESIS**

### **13.1. Penggunaan Bahasa**

- 13.1.1 Penggunaan bahasa dalam penulisan Tesis, Disertasi atau Laporan Projek Sarjana perlu:
  - a. Ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu.
  - b. Penggunaan bahasa lain hendaklah mendapat kelulusan Senat.

### **13.2. Bilangan Patah Perkataan**

Bilangan maksimum Patah Perkataan bagi Tesis:

- a. Sarjana (selain bidang Bahasa, Kemanusiaan, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Pengajian Perniagaan) adalah 40,000 patah perkataan.
- b. Sarjana dalam bidang Bahasa, Kemanusiaan, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Pengajian Perniagaan boleh dirujuk dalam Lampiran 6.
- c. Doktor Falsafah (selain bidang Bahasa, Kemanusiaan, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Pengajian Perniagaan) adalah 100,000 patah perkataan.
- d. Doktor Falsafah dalam bidang Bahasa, Kemanusiaan, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Pengajian Perniagaan boleh dirujuk dalam Lampiran 6.

**JADUAL 11: BILANGAN PATAH PERKATAAN DALAM TESIS**

PROGRAM	BIDANG	BILANGAN PATAH PERKATAAN
<b>SARJANA</b>	Semua bidang kecuali bidang Bahasa, Kemanusiaan, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pengajian Perniagaan	Maksimum 40,000 patah perkataan
<b>DOKTOR FALSAFAH</b>	Semua bidang kecuali bidang Bahasa, Kemanusiaan, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pengajian Perniagaan	Maksimum 100,000 patah perkataan

**13.3. Pembetulan dan Pengesahan Pembetulan**

- 13.3.1 Pelajar perlu melengkapkan dan menghantar pembetulan Tesis selepas menjalani peperiksaan lisan
- 13.3.2 Pengesahan pembetulan perlu dilakukan berdasarkan skala peperiksaan lisan pelajar (rujuk Buku Panduan Akademik Pengajian SiswaZah).

**13.4. Semakan Semula Pengesahan Pembetulan Tesis oleh Penyelia dan/atau Pemeriksa**

Pelajar yang tidak berpuas hati dengan pengesahan pembetulan Tesis oleh penyelia dan / atau pemeriksa boleh membuat rayuan semakan semula pengesahan pembetulan tesis dalam tempoh yang ditetapkan oleh universiti.

**PERKARA 14: KURSUS UMUM PENYELIDIKAN**

**14.1. Kursus Kompetensi**

- 14.1.1 Kursus Kompetensi ini merupakan kursus prasyarat untuk penganugerahan bagi pelajar yang telah diluluskan bagi Naik Taraf Program, Kemasukan Pantas dan Penyeliaan Jarak Jauh.
- 14.1.2 Pelajar (merujuk perkara 12.13.1) perlu mengambil tiga (3) Kursus Kompetensi.
- 14.1.3 Pelajar yang tidak lulus/tidak selesai bagi kursus ini boleh mendaftar semula semester berikutnya tanpa dikenakan yuran kursus.

**14.2. Kursus Metodologi Penyelidikan**

- 14.2.1 Pelajar bagi program Mod Penyelidikan perlu menghadiri dan lulus Kursus Metodologi Penyelidikan.
- 14.2.2 Semua pelajar perlu mendaftar Kursus Metodologi Penyelidikan (Kursus Umum Wajib) pada semester pertama pengajian.
- 14.2.3 Pelajar perlu menghantar Kertas Kerja Cadangan Penyelidikan secara dalam talian untuk penilaian Penyelia Utama.

- 14.2.4 Kertas Kerja Cadangan merupakan salah satu penilaian wajib dalam Kursus Metodologi Penyelidikan.
- 14.2.5 Kursus Metodologi Penyelidikan merupakan kursus prasyarat bagi Pembentangan Kertas Kerja Cadangan Penyelidikan.

## **PERKARA 15: PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA**

### **15.1. Panel Pemeriksa Dalam**

- 15.1.1 Lantik Panel Pemeriksa Dalam bagi menilai Tesis pelajar perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Fakulti (MF) berdasarkan syarat-syarat berikut:
  - a. Pelantikan pemeriksa dalam hendaklah berdasarkan kepakaran dalam bidang yang berkaitan, dihormati dan memiliki profesionalisme yang tinggi. Ringkasan kelayakan Pemeriksa adalah seperti Jadual 12.
  - b. Pemeriksa Dalam bagi program Doktor Falsafah perlu:
    - i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; DAN
    - ii. Menggraduatkan pelajar.
  - c. Pemeriksa Dalam bagi program Sarjana Mod Penyelidikan perlu:
    - i. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah DAN mempunyai pengalaman dalam penyeliaan pelajar sebagai Penyelia Utama atau Penyelia Bersama DAN terlibat aktif dalam penyelidikan serta mempunyai penerbitan; ATAU
    - ii. Mempunyai Ijazah Sarjana DAN menggraduatkan pelajar.

**JADUAL 12: SYARAT KELAYAKAN LANTIKAN PEMERIKSA PROGRAM MOD PENYELIDIKAN**

PROGRAM PELAJAR	JENIS PEMERIKSA	KELAYAKAN PEMERIKSA	
		IJAZAH SARJANA	IJAZAH KEDOKTORAN
<b>SARJANA</b>	Pemeriksa Dalam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak</li> <li>• Menggraduatkan pelajar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak</li> <li>• Pernah menyelia pelajar siswazah.</li> <li>• Terlibat aktif dalam penyelidikan</li> <li>• Mempunyai penerbitan</li> </ul>
	Pemeriksa Luar	Tidak layak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak</li> <li>• Menggraduatkan pelajar PhD.</li> <li>• Sekurang-kurangnya jawatan Profesor Madya.</li> </ul>
<b>DOKTOR FALSAFAH</b>	Pemeriksa Dalam	Tidak layak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak</li> <li>• Menggraduatkan pelajar.</li> </ul>
	Pemeriksa Luar	Tidak layak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak</li> <li>• Menggraduatkan pelajar PhD.</li> <li>• Sekurang-kurangnya jawatan Profesor Madya.</li> </ul>

**15.2. Panel Pemeriksa Luar**

15.2.1 Lantikan Panel Pemeriksa Luar bagi menilai Tesis pelajar perlu mendapat kelulusan MF berdasarkan syarat-syarat berikut:

- a. Pelantikan pemeriksa luar hendaklah berdasarkan kepakaran dalam bidang yang berkaitan, dihormati dan memiliki profesionalisme yang tinggi. Ringkasan kelayakan Pemeriksa Luar adalah seperti Jadual 12.
- b. Pemeriksa luar yang dilantik telah menyelia sehingga bergraduat sekurang-kurangnya satu (1) pelajar Ijazah Doktor Falsafah.
- c. Pemeriksa luar yang dilantik mestilah dalam kalangan pakar akademik yang kanan dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya memegang jawatan Profesor Madya dan ke atas daripada institusi pendidikan tinggi di dalam atau di luar negara.

**PERKARA 16: SISTEM GRED**

- 16.1 Prestasi pelajar bagi sesuatu kursus bagi semua program pascasiswaZah ditunjukkan oleh Petunjuk Prestasi seperti dalam Jadual 13.
- 16.2 Secara amnya, gred lulus minimum bagi sesuatu kursus untuk pengiraan nilai gred ialah 'B-'. Walau bagaimanapun, gred lulus untuk sesuatu kursus adalah tertakluk kepada fakulti dengan kelulusan Senat.
- 16.3 Markah lulus bagi sesuatu kursus berdasarkan hasil pembelajaran adalah 60% atau mana-mana ketetapan fakulti.

**JADUAL 13: PETUNJUK PRESTASI PELAJAR PASCASISWAZAH**

MARKAH	GRED LAZIM	MATA NILAI
80 – 100	A	4.00
75 – 79	A-	3.67
70 – 74	B+	3.33
65 – 69	B	3.00
60 – 64	B-	2.67
55 – 59	C+	2.33
50 – 54	C	2.00
0 – 49	F	0.00

- 16.4 Petunjuk prestasi bagi Kursus Metodologi Penyelidikan dan Laporan Kemajuan bagi Program Mod Penyelidikan adalah seperti dalam Jadual 14.
- 16.5 Petunjuk prestasi Kursus Prasyarat bagi semua program pascasiswazah juga ditunjukkan seperti dalam Jadual 14.

**JADUAL 14: PETUNJUK PRESTASI BAGI KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN, KURSUS PRASYARAT DAN LAPORAN KEMAJUAN**

BENTUK PENGAJARAN	STATUS	GRED	
KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN	Hadir Wajib (HW)	Lulus (HL)	Gagal (TS) dan perlu diulang semula sehingga lulus.
KURSUS PRASYARAT			
LAPORAN KEMAJUAN		Memuaskan (MM)	Tidak Memuaskan (TM)

- 16.6 Selain daripada gred di atas, gred TS (Tidak Selesai) juga diberikan kepada pelajar yang:
- tidak dapat mengambil peperiksaan akhir atau tidak melengkapkan sesuatu kursus kerana disahkan sakit oleh Pegawai Perubatan yang diiktiraf oleh universiti; ATAU
  - belum melengkapkan Disertasi; ATAU
  - belum melengkapkan Projek Akhir; ATAU
  - gagal dalam Kursus Metodologi Penyelidikan dan Kursus Prasyarat; ATAU
  - lain-lain alasan yang diterima oleh Senat.
- 16.7 Pelajar yang mendapat gred TS hendaklah melengkapkan sesuatu kursus sehingga selesai.

## PERKARA 17: KEDUDUKAN AKADEMIK

### 17.1. Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran

- 17.1.1 Kedudukan Akademik Pelajar ditentukan dengan menggunakan PNG dan PNGK.
- 17.1.2 Status kedudukan akademik pelajar bagi Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran ditentukan pada setiap semester dengan menggunakan PNGK seperti dalam Jadual 15.
- 17.1.3 Pelajar yang mendapat PNGK  $< 3.00$  perlu baiki gred kursus sehingga  $\text{PNGK} \geq 3.00$ .

JADUAL 15: KEDUDUKAN AKADEMIK BAGI MOD KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN

BIL	PENCAPAIAN PELAJAR	STATUS
1	$\text{PNGK} \geq 3.00$	Kedudukan Baik (KB)
2	$\text{PNGK} < 3.00$	Kedudukan Bersyarat (KS)

### 17.2 Mod Penyelidikan

- 17.2.1 Status kedudukan akademik pelajar bagi program Penyelidikan ditentukan pada setiap semester lazim seperti dalam Jadual 16.

JADUAL 16: KEDUDUKAN AKADEMIK BAGI MOD PENYELIDIKAN

BIL	PENCAPAIAN PELAJAR	GRED
1	Markah Laporan Kemajuan $\geq 40\%$	Memuaskan (MM)
2	Markah Laporan Kemajuan $< 40\%$	Tidak Memuaskan (TM)

- 17.2.2 Pelajar yang mendapat TM dua (2) semester berturut-turut, dengan kelulusan Senat boleh:
- meneruskan pengajian; ATAU
  - diarah menangguhan pengajian pada semester berikutnya; ATAU
  - diberhentikan daripada pengajian.

### 17.3 Status Tahap Pengajian Pelajar

Status tahap pengajian pelajar ditentukan oleh fakulti berdasarkan jumlah kredit yang diperolehi.

## PERKARA 18: PENGANUGERAHAN

### 18.1. Syarat Penganugerahan

- 18.1.1 Pelajar bagi Mod Kerja Kursus dan Campuran hanya layak menerima Ijazah setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:

- a. telah memenuhi kredit bergraduat; DAN
  - b. mencapai PNGK  $\geq 3.00$ ; DAN
  - c. syarat-syarat lain yang ditetapkan; DAN
  - d. telah mendapat kelulusan Senat.
- 18.1.2 Pelajar bagi program Penyelidikan hanya layak menerima Ijazah setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:
- a. menghantar tesis berjilid keras; DAN
  - b. syarat-syarat lain yang ditetapkan; DAN
  - c. telah mendapat kelulusan Senat.
- 18.1.3 Pelajar bagi program Ijazah Dual/Dwi/Bersama perlu memenuhi syarat penganugerahan di kedua-dua universiti yang berkaitan.
- 18.2. Penganugerahan Anumerta**
- 18.2.1 Penganugerahan Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah kepada pelajar yang meninggal dunia semasa dalam pengajian dan layak dianugerahkan bagi program yang didaftar tertakluk kepada kelulusan Senat.
- 18.2.2 Syarat-syarat Penganugerahan Anumerta:
- a. Berstatus kedudukan baik (KB); DAN
  - b. Mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan kredit bergraduat dan tahap hasil pembelajaran program yang memuaskan; ATAU
  - c. Berstatus Memuaskan (MM); DAN
  - d. Mencapai sekurang-kurangnya penghantaran tesis untuk pra-peperiksaan lisan dan tahap hasil pembelajaran program yang memuaskan.

## **PERKARA 19: PENANGGUHAN PENGAJIAN**

- 19.1. Penangguhan Dikira (Peribadi dan Kewangan)**
- a. Penangguhan pengajian yang diambil kira (*Defer-C*) dalam pengiraan tempoh pengajian adalah berdasarkan kelulusan Dekan Fakulti merujuk kepada permohonan pelajar melalui atas talian disebabkan oleh masalah peribadi atau kewangan.
  - b. Tempoh penangguhan adalah satu (1) semester bagi setiap permohonan dengan kelulusan Dekan Fakulti.
- 19.2. Penangguhan Dikira (Secara Automatik)**
- Penangguhan pengajian yang diambil kira (*Defer-C*) dalam pengiraan tempoh pengajian secara automatik adalah berdasarkan semakan oleh Bendahari iaitu merujuk kepada hutang pengajian pelajar yang tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Panduan dan Peraturan Kewangan Pelajar (Program Pascasiswa Zah UMPSA).
- 19.3. Penangguhan Tidak Dikira**
- a. Penangguhan pengajian yang tidak diambil kira (*Defer-U*) dalam pengiraan tempoh pengajian adalah berdasarkan kelulusan Dekan Fakulti;

- i. Penawaran Kursus oleh Fakulti  
Tiada penawaran kursus oleh Fakulti pada semester semasa.
  - ii. Kesihatan  
Tempoh penangguhan tidak melebihi satu (1) tahun pengajian akademik.
- 19.4 Kelulusan Senat adalah diperlukan sekiranya permohonan penangguhan melebihi dua (2) kali.
- 19.5 Bagi kes kesihatan, Senat berhak untuk menentukan sama ada pelajar dibenarkan untuk meneruskan pengajian atau diberhentikan berasaskan perakuan Pegawai Kesihatan Universiti.

#### **PERKARA 20: PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN**

- 20.1 Permohonan pelanjutan tempoh pengajian perlu mendapatkan kelulusan Dekan.
- 20.2 Permohonan pelanjutan tempoh pengajian melebihi tempoh pengajian maksimum memerlukan pemakluman MF dan MPSU.

#### **PERKARA 21: RAYUAN**

- 21.1 Permohonan rayuan berkaitan proses akademik dari permohonan sehingga penganugerahan adalah dibenarkan melalui kelulusan MF dalam tempoh yang telah ditetapkan dan tertakluk kepada caj-caj yang berkaitan.

#### **PERKARA 22: PERUNTUKAN AM**

- 22.1 Semua kaedah pelaksanaan yang dicatatkan dalam Peraturan dan Panduan Akademik hendaklah dipatuhi. Senat berhak untuk meminda sebarang peruntukan dalam Peraturan dan Panduan Akademik ini dari semasa ke semasa.
- 22.2 Pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti & Kolej Universiti (1971), Kaedah-kaedah UMPSA (Tatatertib Pelajar-pelajar 2009) dan Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar serta segala peraturan yang berkuatkuasa di universiti dari semasa ke semasa.

**LAMPIRAN 1: PERSETARAAN BAHASA INGGERIS\***

UJIAN KOMPETENSI BAHASA INGGERIS	KOMPONEN	CEFR LOW B1	CEFR MID B1	CEFR HIGH B1	CEFR LOW B2	CEFR MID B2	CEFR HIGH B2
<b>MUET</b>	<b>MUET</b>	B3.0		B3.5	B4.0		B4.5
<b>IELTS</b>	<b>IELTS</b>	4.0		5.0	5.5	6.0	6.5
<b>TOEFL</b>	<b>TOEFL iBT</b>	30 – 31	33	40	46	60	79
	<b>TOEFL Essentials (Online)</b>	5	6.5	7.5	8	8.5	9.5
<b>PEARSON TEST OF ENGLISH</b>	<b>PTE Academic/ PTE Academic (Online)</b>	36	43	47	51	59	63
<b>CAMBRIDGE ENGLISH QUALIFICATIONS AND TESTS</b>	<i>(i) B1 Preliminary, B2 First, C1 Advanced, C2 Proficiency</i>	140	147	154	160	169	176
	<i>(ii) Linguaskill Online</i>						
	<i>(iii) Occupational English Test (OET) (Conventional/Online)</i>	-	-	-	200	250	300

\*Berkatkuasa bermula 11 Ogos 2022

## LAMPIRAN 2: SYARAT KHAS MENGIKUT BIDANG

### A. SYARAT KHAS BAGI BIDANG BAHASA

#### 1. SYARAT KELAYAKAN MASUK

##### 1.1. Syarat Kelayakan Masuk bagi Calon Pelajar dengan Kelayakan Dalam Bidang

###### 1.1.1 Sarjana Mod Kerja Kursus

- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.50$  boleh diterima masuk.
- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan penilaian dalaman yang rapi.

###### 1.1.2 Sarjana Mod Campuran dan Mod Penyelidikan

- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.75$  boleh diterima masuk.
- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.50 \leq \text{PNGK} < 2.75$ , boleh diterima masuk dengan penilaian dalaman yang rapi.
- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan DAN penilaian dalaman yang rapi.

###### 1.1.3 Doktor Falsafah

- Syarat kelayakan masuk bagi program Doktor Falsafah, calon pelajar mesti memiliki:
  - Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan dengan kelas pertama ( $\text{PNGK} \geq 3.67$ ) atau setaraf dengannya; ATAU
  - Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) atau setara dalam bidang berkaitan

##### 1.2. Syarat Kelayakan Masuk bagi Calon Pelajar Tanpa Kelayakan Dalam Bidang

###### 1.2.1 Kursus Prasyarat

Calon pelajar bukan dalam bidang perlu mengambil kursus prasyarat secara micro-credentials sebelum memulakan pengajian sarjana atau doktor falsafah atau mengambil kursus yang berkaitan seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.

###### 1.2.2 Sarjana Mod Kerja Kursus

- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.50$ , boleh diterima masuk DAN mencapai sekurang-kurangnya B2 CEFR atau setara dalam bahasa pengantar DAN mengambil kursus prasyarat yang ditetapkan oleh Fakulti.
- Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan menghadiri penilaian dalaman yang rapi DAN mencapai sekurang-kurangnya B2 CEFR atau

setara dalam bahasa pengantar DAN mengambil kursus prasyarat yang ditetapkan oleh Fakulti.

**1.2.3 Sarjana Mod Campuran dan Mod Penyelidikan**

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.75$ , boleh diterima masuk DAN mencapai sekurang-kurangnya B2 CEFR atau setara dalam bahasa pengantar DAN mengambil kursus prasyarat yang ditetapkan oleh Fakulti.
- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $2.50 \leq \text{PNGK} < 2.75$ , boleh diterima masuk dengan menghadiri penilaian dalaman yang rapi DAN mencapai sekurang-kurangnya B2 CEFR atau setara dalam bahasa pengantar DAN mengambil kursus prasyarat yang ditetapkan oleh Fakulti.
- c. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan DAN menghadiri penilaian dalaman yang rapi DAN mencapai sekurang-kurangnya B2 CEFR atau setara dalam bahasa pengantar DAN mengambil kursus prasyarat yang ditetapkan oleh Fakulti.

**1.2.4 Doktor Falsafah**

Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) bukan dalam bidang berkaitan boleh diterima masuk dengan menghadiri penilaian dalaman yang rapi DAN mencapai sekurang-kurangnya B2 CEFR atau setara dalam bahasa pengantar DAN mengambil kursus prasyarat yang ditetapkan oleh Fakulti.

**1.3. Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris**

**1.3.1. Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris Pelajar Antarabangsa**

- a. Pelajar antarabangsa yang mengikuti program bidang Bahasa Inggeris perlu mencapai sekurang-kurangnya skor Band 6.0 dalam peperiksaan IELTS atau skor CEFR B2 dalam mana-mana peperiksaan yang setara (Rujuk Lampiran 1).
- b. Pelajar antarabangsa yang mengikuti program dalam bidang bahasa selain Bahasa Inggeris perlu mencapai sekurang-kurangnya skor Band 5.0 dalam peperiksaan IELTS atau mana-mana peperiksaan yang setara.
- c. Calon pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat Bahasa Inggeris boleh diberikan kelulusan bersyarat. Pemohon diberi tempoh dua (2) tahun dari tarikh pendaftaran untuk memenuhi syarat Bahasa Inggeris ini. Sekiranya pelajar GAGAL memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris ini dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar akan diberhentikan daripada program pengajian.
- d. Sijil IELTS atau setara yang diperoleh tidak boleh lebih dari 2 tahun dari tarikh ujian diambil dan pendaftaran pencalonan.
- e. Sijil TOEFL ITP dan PBT tidak diterima masuk untuk program-program ini.

### 1.3.2. Pengecualian Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris

Mengikut syarat umum

## 2. PELANTIKAN PENYELIA

### 2.1. Syarat-syarat Umum Kelayakan Penyelia

#### 2.1.1 Penyelia Utama

2.1.1.1 Pelantikan Penyelia Utama bagi program Sarjana dalam Bidang Bahasa, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Bahasa dengan minimum C1 CEFR atau setara; ATAU
- b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Bahasa dengan minimum C1 CEFR dalam Bidang Bahasa yang diajar atau setara DAN
  - i. pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; ATAU
  - ii. sekurang-kurangnya pernah dilantik sebagai Penyelia Bersama.

2.1.1.2 Pelantikan Penyelia Utama bagi program Doktor Falsafah dalam Bidang Bahasa, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Bahasa dengan minimum C1 CEFR atau setara; DAN
  - i. pengalaman kerja sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; ATAU
  - ii. sekurang-kurangnya pernah dilantik sebagai Penyelia Bersama.

#### 2.1.2 Penyelia Bersama

2.1.2.2 Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Sarjana dalam Bidang Bahasa, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Bahasa dengan minimum C1 CEFR atau setara; ATAU
- b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Bahasa dengan minimum C1 CEFR dalam Bidang Bahasa yang diajar atau setara DAN pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan.

2.1.2.3 Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Doktor Falsafah dalam Bidang Bahasa, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Bahasa dengan minimum C1 CEFR atau setara; DAN mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam pengajaran dan penyelidikan.

## B. SYARAT KHAS BAGI BIDANG PENGAJIAN PERNIAGAAN

### 1. SYARAT KELAYAKAN MASUK

#### 1.1. Syarat Kelayakan Masuk bagi Calon Pelajar dengan Kelayakan Dalam Bidang

##### 1.1.1. Sarjana Mod Kerja Kursus

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.50$  boleh diterima masuk.

- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan penilaian dalaman yang rapi.

**1.1.2. Sarjana Mod Penyelidikan**

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.75$
- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.50 \leq \text{PNGK} < 2.75$ , boleh diterima masuk dengan penilaian dalaman yang rapi.
- c. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan DAN penilaian dalaman yang rapi.

**1.1.3. Doktor Falsafah**

- a. Syarat kelayakan masuk bagi program Doktor Falsafah, calon pelajar mesti memiliki:
  - i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan dengan kelas pertama ( $\text{PNGK} \geq 3.67$ ) atau setaraf dengannya ATAU
  - ii. Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) atau setara dalam bidang berkaitan

**1.2. Syarat Kelayakan Masuk bagi Calon Pelajar Tanpa Kelayakan Dalam Bidang**

**1.2.1. Sarjana Mod Kerja Kursus**

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.00$ , boleh diterima masuk dengan pengalaman kerja sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan\* dan tertakluk kepada penilaian dalaman yang rapi.
- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.00$ , boleh diterima masuk tanpa pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan\* dan tertakluk kepada lulus kursus prasyarat.

**1.2.3. Sarjana Mod Penyelidikan**

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.50$ , boleh diterima masuk dengan pengalaman kerja sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan\* dan tertakluk kepada penilaian dalaman yang rapi.
- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan\* dan tertakluk kepada penilaian dalaman yang rapi.
- c. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.00$ , boleh diterima masuk tanpa pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan\* dan tertakluk kepada lulus kursus prasyarat.

#### **1.2.4. Doktor Falsafah**

Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) bukan dalam bidang berkaitan boleh diterima masuk tanpa pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan\* dan tertakluk kepada lulus kursus prasyarat.

#### **1.3. Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris**

##### **1.3.1. Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris Pelajar Antarabangsa**

- a. Semua calon pelajar antarabangsa mesti mempunyai IELTS Band 6.0 atau setara (Rujuk Lampiran 1)
- b. Calon pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat Bahasa Inggeris boleh diberikan kelulusan bersyarat. Pemohon diberi tempoh dua (2) tahun dari tarikh pendaftaran untuk memenuhi syarat Bahasa Inggeris ini. Sekiranya pelajar GAGAL memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris ini dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar akan diberhentikan daripada program pengajian.
- c. Sijil IELTS atau setara yang diperoleh tidak boleh lebih dari 2 tahun dari tarikh ujian diambil dan pendaftaran pencalonan.
- d. Sijil TOEFL ITP dan PBT tidak diterima masuk dalam program ini.

##### **1.3.2. Pengecualian Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris**

Mengikut syarat umum

## **2. PELANTIKAN PENYELIA**

#### **2.1. Syarat-syarat Umum Kelayakan Penyelia**

##### **2.1.1. Penyelia Utama**

2.1.1.1. Pelantikan Penyelia Utama bagi program Sarjana dalam bidang berkaitan, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam bidang berkaitan; ATAU
- b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam bidang yang berkaitan DAN
  - i. pengalaman kerja yang berkaitan\* sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
  - ii. sekurang-kurangnya pernah dilantik sebagai Penyelia Bersama.

2.1.1.2. Pelantikan Penyelia Utama bagi program Doktor Falsafah dalam bidang yang berkaitan, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam bidang yang berkaitan; DAN
  - i. pengalaman\* sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
  - ii. telah menyelia calon penyelidikan sarjana atau kedoktoran sehingga selesai
- b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam bidang yang berkaitan; DAN
  - i. pengalaman\* sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
  - ii. telah menyelia calon penyelidikan sarjana atau kedoktoran sehingga selesai; DAN
  - iii. mempunyai pengalaman yang luas dalam penyelidikan, tertakluk kepada kelulusan Senat.

\* Pengalaman boleh menjadi pengalaman kumulatif walaupun sebelum memperoleh kelayakan yang diperlukan untuk tahap pengajian tertentu. Walau bagaimanapun, pengalaman mestilah relevan dengan tahap pengajian dan juga kandungan.

### **2.1.2. Penyelia Bersama**

**2.1.2.1.**Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Sarjana dalam bidang yang berkaitan, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam bidang yang berkaitan; ATAU
- b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam bidang yang berkaitan DAN pengalaman kerja yang berkaitan\* sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; ATAU
- c. mempunyai Ijazah Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang yang berkaitan DAN pengalaman kerja yang berkaitan\* sekurang-kurangnya lima (5) tahun pada tahap yang sesuai untuk disertasi (terpakai kepada penyelia bersama dari industri / pengamal sahaja).

**2.1.2.2.**Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Doktor Falsafah dalam bidang yang berkaitan, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam bidang yang berkaitan; ATAU
- b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam bidang yang berkaitan DAN pengalaman yang luas dalam penyelidikan, tertakluk kepada kelulusan Senat; ATAU
- c. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam bidang yang berkaitan DAN pengalaman kerja yang berkaitan\* sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun pada tahap yang sesuai untuk tesis (terpakai kepada penyelia bersama dari industri / pengamal sahaja)

## **C. SYARAT KHAS BAGI BIDANG KOMPUTERAN**

### **1. SYARAT KELAYAKAN MASUK**

**1.1 Syarat Kelayakan Masuk bagi Calon Pelajar dengan Kelayakan Dalam Bidang**

**1.1.1 Sarjana Mod Kerja Kursus**

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.50$  boleh diterima masuk.
- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan DAN penilaian dalaman yang rapi.

\* Pengalaman boleh menjadi pengalaman kumulatif walaupun sebelum memperoleh kelayakan yang diperlukan untuk tahap pengajian tertentu. Walau bagaimanapun, pengalaman mestilah relevan dengan tahap pengajian dan juga kandungan.

#### 1.1.2 Sarjana Mod Campuran

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.75$  boleh diterima masuk.
- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.50 \leq \text{PNGK} < 2.75$ , boleh diterima masuk dengan penilaian dalaman yang rapi.
- c. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.00 \leq \text{PNGK} < 2.50$ , boleh diterima masuk dengan mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan DAN penilaian dalaman yang rapi.

#### 1.1.3 Sarjana Mod Penyelidikan

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 3.00$  boleh diterima masuk.
- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.75 \leq \text{PNGK} < 3.00$ , boleh diterima masuk dengan penilaian dalaman yang rapi.
- c. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan  $2.50 \leq \text{PNGK} < 2.75$ , boleh diterima masuk dengan mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan DAN penilaian dalaman yang rapi.

#### 1.1.4 Doktor Falsafah

- a. Syarat kelayakan masuk bagi program Doktor Falsafah, calon pelajar mesti memiliki:
  - i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan dengan kelas pertama ( $\text{PNGK} \geq 3.67$ ); ATAU
  - ii. Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) atau setara dalam bidang berkaitan; ATAU
  - iii. Kelayakan lain yang setara dengan Ijazah Sarjana dalam Bidang Komputeran atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia mestilah menjalani kursus prasyarat yang sesuai.

### 1.2 Syarat Kelayakan Masuk bagi Calon Pelajar Tanpa Kelayakan Dalam Bidang

#### 1.2.1. Sarjana Mod Kerja Kursus

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.00$ , boleh diterima masuk dengan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan dan tertakluk kepada penilaian dalaman yang rapi dan lulus kursus prasyarat.

#### 1.2.2. Sarjana Mod Campuran

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.50$ , boleh diterima masuk dengan pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan dan tertakluk kepada penilaian dalaman yang rapi dan lulus kursus prasyarat.

**1.2.3. Sarjana Mod Penyelidikan**

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan  $\text{PNGK} \geq 2.50$ , boleh diterima masuk dengan pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan dan tertakluk kepada penilaian dalaman yang rapi dan lulus kursus prasyarat.

**1.2.4. Doktor Falsafah**

- a. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) bukan dalam bidang berkaitan boleh diterima masuk dengan pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan dan tertakluk kepada lulus kursus prasyarat.
- b. Calon pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) bukan dalam bidang berkaitan dengan pengalaman kerja kurang dari lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan boleh diterima masuk tertakluk kepada lulus kursus prasyarat dan penilaian dalaman yang rapi.

**1.3. Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris**

**1.3.1. Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris Pelajar Antarabangsa**

- a. Semua calon pelajar antarabangsa mesti mencapai IELTS Band 6.0 atau setara (Rujuk Lampiran 1).
- b. Sekiranya pelajar tidak memenuhi syarat ini, Fakulti perlu memastikan pelajar mengambil kursus Bahasa Inggeris dan memastikan penguasaan pelajar adalah mencukupi untuk memenuhi program ini. Bagi pelajar bidang komputeran yang tidak memenuhi syarat Bahasa Inggeris perlu mendaftar kursus persediaan Bahasa Inggeris UMPSA dan perlu lulus IELTS Band 5.0 atau setara.
- c. Calon pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat Bahasa Inggeris boleh diberikan kelulusan bersyarat. Pemohon diberi tempoh dua (2) tahun dari tarikh pendaftaran untuk memenuhi syarat Bahasa Inggeris ini. Sekiranya pelajar GAGAL memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris ini dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar akan diberhentikan daripada program pengajian.
- d. Sijil IELTS atau setara yang diperoleh tidak boleh lebih dari 2 tahun dari tarikh ujian diambil dan pendaftaran pencalonan.
- e. Sijil TOEFL ITP dan PBT tidak diterima masuk dalam program ini.

**1.3.2. Pengecualian Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris**

Mengikut syarat umum

**2. PELANTIKAN PENYELIA**

**2.1. Syarat-syarat Umum Kelayakan Penyelia**

**2.1.1. Penyelia Utama**

2.1.1.1 Pelantikan Penyelia Utama bagi program Sarjana Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran dalam Bidang Komputeran, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dan Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; ATAU

b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan DAN

- i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan/perundingan projek/pengalaman industri.

2.1.1.2.Pelantikan Penyelia Utama bagi program Sarjana Program Mod Penyelidikan dalam Bidang Komputeran, perlu memenuhi kriteria berikut:

a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; ATAU

b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan DAN

- i. pengalaman kerja yang berkaitan\* sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN

- ii. sekurang-kurangnya pernah dilantik sebagai Penyelia Bersama.

2.1.1.3.Pelantikan Penyelia Utama bagi program Doktor Falsafah dalam Bidang Komputeran, perlu memenuhi kriteria berikut:

a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; DAN

- i. pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN

- ii. telah menyelia calon penyelidikan sarjana atau kedoktoran sehingga selesai (Mod Campuran/ Mod Penyelidikan).

## **2.1.2. Penyelia Bersama**

2.1.2.1.Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Sarjana Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran dalam Bidang Komputeran, perlu memenuhi kriteria berikut:

a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; ATAU

b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; DAN

- i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan/projek perundingan/pengalaman industri.

c. penyelia bersama dari industri atau yang menjadi pengamal mesti mempunyai sekurang-kurangnya ijazah Sarjana Muda dan mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang di tahap yang sesuai untuk disertasi.

2.1.2.2.Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Sarjana Program Mod Penyelidikan dalam Bidang Komputeran, perlu memenuhi kriteria berikut:

a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; ATAU

b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; DAN

- i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan/projek perundingan/pengalaman industri; DAN

- ii. perlu mendapat kelulusan daripada Senat.

2.1.2.3.Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Doktor Falsafah dalam Bidang Komputeran, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; DAN
  - i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
  - ii. telah menyelia calon penyelidikan sarjana atau kedoktoran sehingga selesai.
- b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; DAN
  - i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
  - ii. tertakluk kepada kelulusan Senat.
- c. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan (hanya untuk penyelia bersama dari industri/pengamal); DAN
  - i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dalam perundingan projek/pengalaman industri; DAN
  - ii. tertakluk kepada kelulusan Senat.

## **2.1.2. Penyelia Bersama**

2.1.2.1.Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Sarjana Program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran dalam Bidang Komputeran, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; ATAU
- b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; DAN
  - i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan/projek perundingan/pengalaman industri;
- c. penyelia bersama dari industri atau yang menjadi pengamal mesti mempunyai sekurang-kurangnya ijazah Sarjana Muda dan mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang di tahap yang sesuai untuk disertasi.

2.1.2.2.Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Sarjana Program Mod Penyelidikan dalam Bidang Komputeran, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; ATAU
- b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; DAN
  - i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan/projek perundingan/pengalaman industri; DAN
  - ii. perlu mendapat kelulusan daripada Senat

2.1.2.3.Pelantikan Penyelia Bersama Dalam dan Penyelia Bersama Luar bagi program Doktor Falsafah dalam Bidang Komputeran, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan; DAN
  - i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
  - ii. telah menyelia calon penyelidikan sarjana atau kedoktoran sehingga selesai.
- b. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan
  - i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
  - ii. tertakluk kepada kelulusan Senat.
- c. mempunyai Ijazah Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam Bidang Komputeran yang berkaitan (hanya untuk penyelia bersama dari industri/pengamal); DAN
  - i. pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dalam perundingan projek/pengalaman industri; DAN
  - ii. tertakluk kepada kelulusan Senat.

#### D. SYARAT KHAS BAGI BIDANG BIOTEKNOLOGI

##### 1. Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris

###### 1.1. Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris Pelajar Antarabangsa

- a. Semua calon pelajar antarabangsa mesti mencapai IELTS Band 5.5 atau setara (Rujuk Lampiran 4)
- b. Calon pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat Bahasa Inggeris boleh diberikan kelulusan bersyarat. Pemohon diberi tempoh DUA (2) tahun dari tarikh pendaftaran untuk memenuhi syarat Bahasa Inggeris ini. Sekiranya pelajar GAGAL memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris ini dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar akan diberhentikan daripada program pengajian.
- c. Sijil IELTS atau setara yang diperoleh tidak boleh lebih dari 2 tahun dari tarikh ujian diambil dan pendaftaran pencalonan.
- d. Sijil TOEFL ITP dan PBT tidak diterima masuk dalam program ini.

###### 1.2 Pengecualian Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris

Mengikut syarat umum

##### 2. PELANTIKAN PENYELIA

2.1. Syarat-syarat Kelayakan Penyelia dalam Bidang Bioteknologi adalah mengikut syarat umum kecuali bagi Pelantikan Penyelia Utama bagi program Doktor Falsafah, perlu memenuhi kriteria berikut:

- a. mempunyai Ijazah Kedoktoran; DAN

- i. mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN
- ii. pernah menyelia pelajar Sarjana atau Doktor Falsafah Mod Penyelidikan sehingga bergraduat; DAN
- iii. mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang

**RUMUSAN SYARAT KELAYAKAN LANTIKAN PENYELIA UTAMA PROGRAM MOD PENYELIDIKAN  
BIDANG BIOTEKNOLOGI**

PROGRAM PELAJAR	SYARAT KELAYAKAN PENYELIA UTAMA*	
	IJAZAH SARJANA	IJAZAH- KEDOKTORAN
SARJANA	Layak menyelia jika: <ul style="list-style-type: none"><li>• 5 tahun pengalaman kerja DAN</li><li>• Pernah menjadi Penyelia Bersama</li></ul>	Layak menyelia.
DOKTOR FALSAFAH	Layak menyelia jika: <ul style="list-style-type: none"><li>• 5 tahun pengalaman kerja DAN</li><li>• Pernah menggraduatkan pelajar **.</li></ul>	Layak menyelia jika: <ul style="list-style-type: none"><li>• 3 tahun pengalaman kerja DAN</li><li>• Pernah menggraduatkan pelajar**.</li><li>• Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang</li></ul>

\*Semua penyelia perlu menghadiri Kursus Latihan Penyeliaan.

\*\*Syarat menggraduatkan pelajar ditangguhkan oleh MQA sehingga 1 Januari 2024.

**LAMPIRAN 3: SENARAI NAMA NEGARA YANG MENDAPAT PENGECEUALIAN BAHASA INGGERIS  
SEBAGAI SYARAT KEMASUKAN**

1. Anguilla	39. Malta
2. Antigua and Barbuda	40. Mauritius
3. Australia	41. Montserrat
4. Bahamas	42. Namibia
5. Bangladesh	43. Nauru
6. Barbados	44. New Zealand
7. Belize	45. Nigeria
8. Bermuda	46. Pakistan
9. Bhutan	47. Palau
10. Botswana	48. Papua New Guinea
11. British Virgin Island	49. Philippines
12. Cameroon	50. Puerto Rico
13. Canada (except Quebec)	51. Republic of Ireland
14. Cayman Islands	52. Rwanda
15. Dominica	53. St Kitts and Nevis
16. England	54. St Lucia
17. Eritrea	55. St Vincent and the Grenadines
18. Ethiopia	56. Samoa
19. Federated States of Micronesia	57. Scotland
20. Fiji	58. Seychelles
21. Gambia	59. Sierra Leone
22. Ghana	60. Singapore
23. Gibraltar	61. Solomon Islands
24. Grenada	62. South Africa
25. Guyana	63. Sri Lanka
26. Hong Kong	64. Sudan
27. India	65. Swaziland
28. Ireland	66. Tanzania
29. Isle of Man	67. Tonga
30. Jamaica	68. Trinidad and Tobago
31. Jersey	69. Turks and Caicos Islands
32. Kenya	70. Uganda
33. Kiribati	71. United Kingdom
34. Lesotho	72. United States of America
35. Liberia	73. US Virgin Islands
36. Madagascar	74. Vanuatu
37. Malawi	75. Zambia
38. Maldives	76. Zimbabwe

**LAMPIRAN 4: PROGRAM YANG MENGAMBIL KIRA SEMESTER PENDEK DALAM PENGIRAAAN  
TEMPOH PENGAJIAN PELAJAR**

BIL	NAMA PROGRAM
1	Sarjana Sains (Pengajian Bahasa Berintegrasi Teknologi) (KBL)
2	Sarjana Kejuruteraan Kimia Dengan Keusahawanan (KKE)
3	Sarjana Sains (Perlombongan Dengan Teknologi Mineral (KKM)
4	Sarjana Sains (Operasi Loji Proses) (KKP)
5	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Lestari) (KEE)
6	Sarjana Pentadbiran Perniagaan (KBB)

**LAMPIRAN 5: PERSETARAAN PENERBITAN KEPADA INDEKS JURNAL SCOPUS**

Penerbitan	Penyetaraan kepada Indeks Jurnal Scopus
Pascasidang Persidangan Scopus	0.5
Artikel Jurnal MyCite	0.5
Artikel Jurnal Tidak Berindeks	0.25
Pascasidang Persidangan Tidak Berindeks	0.25
Bab Buku Berindeks (Penyelidikan/Akademik)	2
Bab Buku Tidak Berindeks (Penyelidikan/Akademik)	1
Buku Berindeks (Penyelidikan/Akademik)	4
Buku Tidak Berindeks (Penyelidikan/Akademik)	2
Modul (Untuk Pengajaran & Pembelajaran/ Latihan)	1
Kes Pengajaran	0.25
Artikel dalam Majalah, Surat Khabar atau Surat Berita (dicetak atau digital)	0.1

**\*Nota Tambahan**

- 1 Penerbitan Artikel Web of Science (WoS) bersamaan 2 Penerbitan Artikel Scopus
- 2 Penerbitan Artikel MyCITE bersamaan 1 Penerbitan Artikel Scopus
- 1 Penerbitan Buku Penyelidikan Berindeks Scopus bersamaan 3 Penerbitan Artikel Scopus
- 1 Penerbitan Bab Buku Penyelidikan Berindeks Scopus bersamaan 1 Penerbitan Artikel Scopus
- 2 Penerbitan Bab Buku Penyelidikan Tidak Berindeks Scopus bersamaan 1 Penerbitan Artikel Scopus

**LAMPIRAN 6: RUMUSAN BILANGAN PATAH PERKATAAN DALAM TESIS MENGIKUT BIDANG**

PROGRAM	BIDANG	BILANGAN PATAH PERKATAAN
<b>SARJANA</b>	Semua bidang kecuali bidang Bahasa, Kemanusiaan, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pengajian Perniagaan	Maksimum 40,000 patah perkataan
	Bidang Kemanusiaan	30,000 hingga 60,000 patah perkataan
	Bidang Bahasa	31,000 hingga 40,000 patah perkataan
	Bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	40,000 hingga 50,000 patah perkataan
	Pengajian Perniagaan	Minimum 35,000 patah perkataan
<b>DOKTOR FALSAFAH</b>	Semua bidang kecuali bidang Bahasa, Kemanusiaan, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pengajian Perniagaan	Maksimum 100,000 patah perkataan
	Bidang Kemanusiaan	60,000 hingga 100,000 patah perkataan
	Bidang Bahasa	75,000 hingga 100,000 patah perkataan
	Bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	60,000 hingga 80,000 patah perkataan
	Pengajian Perniagaan	Minimum 70,000 patah perkataan.



**PERATURAN AKADEMIK**  
**PENGAJIAN SISWAZAH**  
EDISI 2024